



SELANGOR

PERCUMA 7 - 13 Mac 2018, 19 - 25 Jamadilakhir 1439

www.selangorkini.my Media_Selangor

selangortv.my MediaSelangor



**LOJI SEMENYIH 2
MANFAAT RAKYAT
SELATAN NEGERI**

MUKA 3

**SEDIA HADAPI
REVOLUSI 4.0**

MUKA 4

**LAPAN SYARIKAT
JEPUN INTAI
PELUANG PELABURAN**

MUKA 6



Foto oleh Asrie Sapfir

Mohd Amin (tengah) bersama sebahagian penjawat awam negeri pada Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2018, pada 2 Mac lalu

KEKAL KHIDMAT TERBAIK

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Penjawat awam negeri disarankan meningkatkan mutu dan memberi perkhidmatan terbaik sepanjang masa terhadap pelanggan.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya berkata, kakitangan dan penjawat awam Selangor menunjukkan kualiti perkhidmatan lebih tinggi berbanding negeri lain, malahan di

Kakitangan dan penjawat awam Selangor menunjukkan kualiti perkhidmatan lebih tinggi berbanding negeri lain, malahan di peringkat persekutuan buat masa ini.

MOHD AMIN AHMAD AHYA
Setiausaha Kerajaan Negeri

peringkat persekutuan buat masa ini.

"Banyak pengiktirafan dicapai bukan sahaja di peringkat negeri, bahkan di peringkat antarabangsa.

"Kejayaan dirangkul adalah bukti komitmen dan pembabitan seluruh penjawat awam negeri ini," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2018, di sini, pada 2 Mac lalu.

EKSA diaudit Unit Pemodenan Tadbiran

dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi mendapat pensijilan terbabit dengan tempoh diambil untuk pensijilan, bermula Mei 2017 sehingga kini.

Terdahulu, Mohd Amin menegaskan, walaupun Selangor dipimpin kerajaan berbeza dengan Kerajaan Persekutuan tetapi ia tidak menjadi halangan bagi penjawat awam negeri itu mencari lebih banyak kejayaan terutama aspek perkhidmatan.



#PeduliRakyat
KARNIVAL
INISIATIF
PEDULI
RAKYAT

karnival.ipr
JOM DATANG BERSAMA SEISI KELUARGA!



DIRASMIKAN OLEH
Y.A.B DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
MENTERI BESAR SELANGOR
PERKARANGAN DEWAN ORANG RAMAI
KAMPUNG SG GULANG-GULANG
TANJUNG KARANG

11 MAC 2018 (AHAD)
9.00 PAGI - 3.00 PETANG



KENDURI RAKYAT



BANTUAN PEDULI
RAKYAT

PEMERIKSAAN KESIHATAN
PERCUMA

SUKAN RAKYAT

Dengan Kerjasama:





Skim Peduli Sihat Penjawat Awam

Keluarga pertama terima insurans

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - "Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa mereka," itu luahan ibu kepada penjawat awam negeri, Allahyarham Nor Hazyanti Md Isa.

Nor Hazyanti meninggal ekoran kanser payudara dan Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan kepada keluarga beliau, pada 4 Februari lalu.

Sinor Haron, 64, ibu Allahyarham berkata demikian selepas menerima kunjungan Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Keluarga dan Wanita, Dr Daroyah Alwi.

Katanya, keprihatinan Kerajaan Negeri yang tampil menghulurkan bantuan ketika mereka sekeluarga diuji dengan kematian anaknya amat bererti.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang mengambil berat bukan sahaja kepada penjawat awamnya tetapi seluruh rakyat Selangor," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, Allahyarham Nor Hazyanti adalah kakitangan di Pejabat Tanah dan Galian sejak 10 tahun lalu dan mula menghidap kanser, sejak 2014.

Allahyarham Nor Hazyanti juga meninggalkan tiga anak

berusia 15, 11 dan tujuh tahun.

Sementara itu, Dr Daroyah berkata, Kerajaan Negeri memberi sumbangan RM10,000 kepada keluarga Allahyarham Nor Hazyanti menerusi Skim Peduli Sihat Penjawat Awam.

"Keluarga Allahyarham adalah penerima pertama skim insurans ini. Kerajaan Negeri mengucapkan takziah kepada keluarganya dan berharap bantuan ini sedikit sebanyak meringankan beban mereka," katanya.

Skim Peduli Sihat Penjawat Awam Selangor bakal membantu lebih 10,000 penerima mendapatkan perkhidmatan kesihatan berkualiti.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjamin perlindungan kepada lebih 10,000 penjawat awam Gred 44 dan ke bawah yang terdiri daripada pembantu tadbir, pekerja rendah awam, anggota penguatkuasa, pegawai keselamatan dan pemandu.

Melalui skim takaful kesihatan itu, setiap penjawat awam akan menerima manfaat had rawatan kesihatan RM10,000 setahun bagi menampung kos *hospitalization* selain skop perlindungan



Dr Daroyah (tiga dari kiri) menyampaikan cek sumbangan RM10,000 kepada Noraziah yang kematian suami, di Kampung Sungai Lang, Banting

meliputi manfaat kematian dan hilang upaya kekal.

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 3 juta bagi membiayai Skim PSPA yang bakal memberi manfaat kepada 10,000 penjawat awam Selangor.

Penerima dapat imbuhan RM10,000

BANTING - Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi menyerahkan skim Peduli Sihat Penjawat Awam (PSPA) kepada tiga penerima, pada 2 Mac lalu.

Dr Daroyah berkata, setiap daripada satu keluarga menerima RM10,000 sebagai sumbangan daripada Kerajaan Negeri.

"Ia sedikit sebanyak meringankan beban keluarga penjawat awam yang ditimpa musibah.

"Ahli PSPA menerima pelbagai manfaat antaranya had rawatan dan perubatan, khairat kematian akibat kemalangan atau semula

jadi serta faedah kecacatan menyeluruh," katanya selepas menyerahkan skim PSPA kepada dua penerima bertempat di Kampung Sungai Lang, Banting, di sini.

Dua penerima berkenaan adalah R Shallahmah akibat kematian suaminya, S Danapalan dan Noraziah Mahadi yang turut kematian suami, Zahar Sapor.

Dr Daroyah berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM3 juta bagi melaksanakan skim berkenaan khusus kepada penjawat awam gred 44 dan ke bawah untuk permulaan.

"Jika ada sebarang musibah berlaku kepada penjawat awam, maka kita akan menggunakan wang terbabit untuk dihulurkan kepada mereka," katanya.

Sementara itu, salah seorang penerima, Noraziah, 43, berkata, beliau berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana melaksanakan skim berkenaan.

"Saya berasa terharu apabila Kerajaan Negeri tampil dan sudi membantu keluarga kami," katanya yang baru sahaja kehilangan suami akibat sakit buah pinggang, pada 25 Januari lalu.

Terdahulu, Dr Daroyah turut menyerahkan skim PSPA kepada seorang lagi penerima di Shah Alam iaitu Zawawi Mohd Muslim yang kematian isteri, Norhazyanti Mat Isa.



Noraziah Mahadi



EKSA tingkat imej korporat

SHAH ALAM - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) melancarkan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi mewujudkan suasana kerja kondusif dan meningkatkan imej korporat, pada 2 Mac lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya berkata, langkah itu diambil bagi menambah baik pelaksanaan amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal) di sektor awam.

"Pelaksanaan itu berbeza dengan sistem sedia ada dan ia memperlihatkan beberapa kom-

ponen baru seperti pembudayaan amalan hijau serta peningkatan aspek persediaan menyambut pelanggan yang berurusan.

"EKSA salah satu elemen penting bagi menggalakkan pegawai dan kakitangan memberi mutu perkhidmatan terbaik kepada orang awam serta meningkatkan budaya kerja berprestasi tinggi," katanya pada Majlis Pelancaran EKSA 2018, di Bangunan SUK, di sini.

Pada masa sama, beliau berkata, Kerajaan Negeri komited melahirkan pekerja yang mempunyai daya inovasi dan kreativiti tinggi.

Penantian 45 tahun penduduk Kampung Sungai Buah berakhir

DENGKIL - Penyerahan 55 hak milik muktamad oleh Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, nyata menggembirakan penduduk Kampung Sungai Buah, di sini, yang menanti hampir 45 tahun.

Bagi Ketua Kampung Sungai Buah, Ahmad Sanusi Salleh, beliau melahirkan rasa syukur atas komitmen yang ditunjukkan Kerajaan Negeri meluluskan permohonan mereka.

"Kita tmenanti hampir 45 tahun dan akhirnya semuanya selesai, hari ini. Kita berusaha sejak tahun 1970an lagi untuk mendapatkan hak milik muktamad ini," katanya kepada SelangorKini, baru-baru ini.

Difahamkan, nama Kampung Sungai Buah diperolehi hasil fenomena pokok ketapang ketika ia dibuka pada 1925 dan kini hampir tiga generasi menetap, di sana.

Pada Majlis Penyerahan Hakmilik Muktamad dan Kad Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) bagi mukim Dengkil, daerah Sepang, bertempat di Padang Awam Kampung Sungai Buah, Mohamed Azmin turut menyerahkan Kad KISS kepada 10 penerima yang terdiri daripada penduduk kampung berkenaan.

Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) yang diwakili Ketua Pegawai Operasinya, Sofan Affendi Aminudin, turut menyerahkan sumbangan yang disempurnakan Mohamed Azmin berjumlah RM130,000 untuk diagihkan kepada Masjid Raudhatul Jannah sebanyak RM50,000.

Manakala Sekolah Rendah Agama Kampung Sungai Buah, surau Al-Hidayah, surau Ikhwal Muslimin dan surau Al-Ikhlal masing-masing menerima RM20,000.



Mohamed Azmin meninjau operasi Loji Rawatan Air Semenyih 2 ketika majlis perasmian loji terbabit, baru-baru ini

Loji Rawatan Air Semenyih

Tampung 100 juta liter air bersih

OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

DENGKIL - Pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2, di sini, mampu menampung penghasilan bekalan 100 juta liter air bersih sehari kepada masyarakat, di kawasan Semenyih, Beranang dan sebahagian kawasan Hulu Langat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan RM177.7 juta disalurkan Kerajaan Negeri adalah sebagai inisiatif memberikan perkhidmatan fasiliti air terbaik negeri.

"Demi melaksanakan janji untuk menawarkan perkhidmatan kemudahan air terbaik kepada rakyat, maka pembangunan loji ini berjaya disiapkan sepenuhnya mengikut perancangan dan jadual.

"Loji rawatan air ini merang-

kumi lapan skop kerja termasuk pembinaan baru loji dengan kapasiti mampu menampung 100 juta liter air bersih.

"Ia signifikan untuk memastikan bekalan air terawat khususnya di kawasan Selatan Selangor dapat disalurkan berdasarkan faktor keperluan dan kepesatan pembangunan, di kawasan ini," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Loji Rawatan Air Semenyih 2, di bangunan pentadbiran loji berkenaan, baru-baru ini.

Untuk rekod, pembinaan loji berkenaan juga mengaplikasikan penggunaan teknologi hijau dengan kemudahan kaedah *Off River Storage (ORS)* yang menghubungkan aliran air loji, dari Sungai Langat ke Kolam Pra-Rawatan.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, kaedah berkenaan tidak memerlukan operasi

loji rawatan ditutup jika berlaku pencemaran di sungai utama, sekali gus membolehkan masyarakat mendapat akses air bersih bagi tempoh 60 hari walaupun ketika pencemaran sungai berlaku.

"Selangor mendahului pelaksanaan kaedah ini dan ia menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk melestarikan perkhidmatan air kepada rakyat. Kaedah ini juga meletakkan Selangor sebagai satu-satunya negeri yang memperkenalkan sistem ini dan tentunya pengenalan projek terbabit ditanggung sepenuhnya Kerajaan Selangor," katanya.

Mohamed Azmin berkata, projek berkenaan juga mendapat kelulusan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan memenuhi piawaian ditetapkan kementerian, di Putrajaya.



Kemuka 15 DUN, bantah persempadan SPR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengemukakan 15 senarai Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada prosiding siasatan tempatan kali kedua syor kajian persempadan semula Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, dokumen sokongan turut dikemukakan sebagai bantahan Kerajaan Negeri terhadap cadangan persempadanan baru Selangor.

"Saya ingin mengingatkan SPR bahawa bantahan ini tanpa pre-

judis terhadap cabaran Kerajaan Selangor di mahkamah yang kini berada di peringkat Mahkamah Rayuan, pada 23 Mac ini.

"Kerajaan Negeri mengesyorkan supaya SPR tidak mewujudkan bahagian pilihan raya yang terdiri daripada satu-satu kaum sahaja. Jika ini berlaku, ia adalah perkembangan tak sihat dan boleh menjejaskan keharmonian yang lama wujud, di Selangor," katanya.

Mohamed Azmin berkata, pecahan populasi kaum terbesar

hasil cadangan persempadanan baru SPR termasuk di Chempaka, Lembah Jaya, Teratai, Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang, Batu Caves, Sijangkang, Sungai Burung, Morib, Teluk Datuk, Permatang, Ijok dan Jeram.

"Jika dirujuk kepada Perlembagaan Persekutuan Jadual ke 13, Seksyen 2D yang menegaskan bahawa perhatian perlu diberikan kepada kesulitan yang mungkin timbul dengan bahagian pilihan raya dan kepada pemeliharaan hubungan tempatan.

"Ini bermakna sebarang syor terhadap persempadanan dikemukakan SPR tidak boleh menjejaskan hubungan tempatan yang sudah lama wujud, di kawasan itu. Jika diteruskan, ia sangat bercanggah dengan tindakan SPR, maka Kerajaan Negeri mengharap SPR menilai kembali perkara ini," katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin mengetuai pimpinan Kerajaan Negeri hadir mendengar sesi pendengaran awam SPR bagi pihak Kerajaan Negeri, di Hotel Concorde,

Saya ingin mengingatkan SPR bahawa bantahan ini tanpa prejudis terhadap cabaran Kerajaan Selangor di mahkamah

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Negeri, Elizabeth Wong dan Ahli Dewan Negeri iaitu Haniza Talha, Ng Suee Lim serta Hasbullah Ridzwan.



Tangguh penyelesaian air

Persekutuan ada masalah kewangan?

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri membidas Barisan Nasional yang cuba bermain politik apabila mengaitkan kerja penyelenggaraan, di Loji Rawatan Air SSP3 dengan pelan penstrukturan semula industri air Selangor, sedangkan Kabinet sendiri menangguhkan penyelesaiannya ke hujung 2018.

Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar, Yin Shao Loong berkata, penangguhan itu menimbulkan persoalan sama ada ingin membuat pengguna menderita dan memalukan Kerajaan Negeri menjelang pilihan raya umum atau petanda Kerajaan Persekutuan mempunyai masalah kewangan.

"Laporan terbaru The Straits Times, pada 16 Februari lalu mendedahkan jumlah faedah hutang yang perlu dibayar Kerajaan Persekutuan mencecah RM31 bilion, menyamai kutipan cukai pendapatan atau dua pertiga kutipan GST.

"Lebih dua kali ganda jumlah berkenaan sudah dibayar, pada 2009 dan Kerajaan Persekutuan kini mengambil alih hutang 1MDB kira-kira RM42 bilion.

"Adakah Putrajaya tidak cukup wang bagi melaksanakan dasar air kebangsaan dan menyelesaikan penstrukturan air? Putrajaya perlu menjawabnya,"

katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan mempunyai dua penilaian bebas dan hanya perlu memilih salah satu harga serta membayar kos pengambilan aset air berkenaan kerana ia tanggungjawab yang tidak boleh dielakkan sama sekali.

Shao Loong berkata, jika Kerajaan Persekutuan membantu Selangor, mereka juga akan membantu Wilayah Persekutuan kerana sejak dahulu, Selangor membekalkan air untuk Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Katanya, Kerajaan Negeri bertindak atas kepercayaan rakyat berpandukan dasar hasil negeri dikembalikan kepada rakyat dan tidak sepatutnya dipolitikkan.

"Drama terbaru Kerajaan Persekutuan berhubung isu air ialah cadangan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Datuk Seri Dr Maximus Ongkili yang mahu mengalirkan air dari Putrajaya ke Kuala Lumpur untuk pembekalan atas alasan tidak boleh bergantung harap dengan Selangor.

"Jika Kerajaan Persekutuan menyokong cadangan Tengku Adnan yang bermotifkan politik, maka jelas penangguhan pembiayaan penstrukturan air Selangor adalah sebab politik dan mahu menganaktirikan Selangor dan pengguna," katanya.



Jangan gentar hadapi Revolusi Industri 4.0

SHAH ALAM - Pembangunan ekonomi mampan dikecapi Selangor menjadikan negeri itu kondusif bagi menghadapi gelombang Revolusi Perindustrian 4.0.

Dekan Selangor Business School, Prof Dr Mohd Faiz Abdullah berkata, Selangor dilihat berpotensi mendahului negeri lain untuk terus memacu perkembangan kemajuan revolusi itu.

"Selangor sudah diketahui sebagai negeri membangun. Justeru, perkembangan positif ini mendorong Selangor untuk lebih berdaya saing mendahului negeri lain dalam mengharungi cabaran baru 4.0.

"Atas kapasiti itu, di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, maka beliau memperkenalkan pelbagai dasar baru antaranya pelaksanaan *Smart State* untuk menjadikan negeri ini sebagai negeri pintar.

"Justeru, untuk merealisasikan hasrat itu, kita merujuk kepesatan pembangunan Singapura yang sangat berkembang maju daripada aspek kemajuan ekonominya. Di negeri ini, kita dapat merasakan bahawa Selangor mempunyai potensi besar untuk berdiri sebagai negeri pintar, di Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Program Seminar HR anjuran Pernerbadanan Menteri Besar (MBI) di UMW Toyota Training Centre, Seksyen 15, di sini, pada 2 Mac lalu.

Seminar berkenaan turut mengundang panelis Pensyarah Universiti Putra Malaysia, Imeritus Dato' Dr Sheikh Omar Abdul Rahman.

Sementara itu, Dr Sheikh Omar berkata, masyarakat khususnya golongan muda perlu bersedia menghadapi Revolusi 4.0 supaya lebih berdaya saing memajukan ekonomi negara.

Beliau berkata, kemajuan teknologi masa kini menuntut golongan muda untuk lebih peka berdepan cabaran dan peluang penerokaan teknologi baru dalam dunia pekerjaan akan datang.

Katanya, golongan itu juga perlu menjadi individu terbuka, profesional, berdaya saing, konsisten dan mempunyai nilai pemikiran positif.

"Namun, keutamaan yang tidak boleh diketepikan adalah 'nilai kemanusiaan' dengan menanamkan semangat untuk bergerak lebih maju. Justeru, anggota masyarakat termasuk golongan muda perlu memainkan peranan dan bersedia mengharungi cabaran itu.

"Jika anda memilih untuk kekal pada kedudukan sedia ada, maka anda akan ketinggalan jauh ketika penggunaan *Internet Of Things* akan mendahului kehidupan anda," katanya.

Aktif pusat khidmat bantu pengguna terjejas

SHAH ALAM - Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) komited mengaktifkan sembilan lokasi Pusat Khidmat Setempat (PKS) ekoran gangguan bekalan air berjadual, di sekitar Lembah Klang, bermula 6 Mac lalu.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Syabas, Abdul Raof Ahmad berkata, PKS mula diaktifkan, seawal jam 8 pagi.

"Pihak kami bersiap-sedia

dengan aset dan bantuan 79 lori tangki air serta 10 lori tangki air Jumbo bagi memberikan bantuan kepada pelanggan terjejas.

"PKS beroperasi 24 jam dilengkapi kaunter maklumat untuk membantu pengguna terjejas sepanjang gangguan berkenaan," katanya memetik laporan MStar Online.

Terdahulu, SYABAS menerusi laman Facebook berkata, 427 kawasan di sekitar Lembah Klang akan mengalami gang-

guan bekalan air ekoran pembaikan peralatan kritikal selama 10 jam, di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3).

Antara kawasan terjejas termasuk Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Hulu Selangor.

Untuk senarai kawasan terbabit gangguan bekalan itu, orang ramai boleh layari laman sesawang www.syabas.com.my.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB
KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus
PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera
WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantab@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,
Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,
Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,
Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com,
Sabirah Aziz: maizaitul@mediaselangor.com,
Sheeda Fathil: sheeda@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:
Nadhrah Azlan: nadhrah@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 117)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Hafiz Othman
GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

Bumi Darul Ehsan harmoni

Perpaduan kunci kesejahteraan



OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

PETALING JAYA - Prinsip perpaduan dan toleransi diamalkan masyarakat di Selangor kekal memacu kepada kesejahteraan bumi Darul Ehsan.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan, dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, resam keunikan kaum di Selangor terus dipegang utuh bagi menggambarkan keamanan dikecapi rakyat.

"Marilah kita terus membina muafakat dan meraikan kepelbagaian sebagai aset negeri paling berharga bagi menjamin kesejahteraan serta kemakmuran negara.

"Perpaduan dinikmati seluruh

rakyat Selangor ini perlu dipertahankan walaupun terdapat kepelbagaian daripada segi etnik, budaya dan kaum. Kepelbagaian dan keunikan kaum ini adalah khazanah bukannya kelemahan pembangunan negeri.

"Justeru, semangat perpaduan inilah yang akan melahirkan negeri yang aman dan makmur untuk menjana pembangunan berterusan," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina peringkat negeri, di Dataran Petaling Jaya, baru-baru ini.

Terdahulu, prinsip permuafakatan itu turut dipegang utuh pentadbiran negeri pimpinan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Katanya, penyatuan kaum diterapkan di seluruh negeri berjaya mengukuhkan keharmonian dan perpaduan, di Selangor.

"Walaupun kita hidup dalam persekitaran kepelbagaian kaum dan agama, namun berani nyatakan bahawa inilah yang menjadi aset kepada pengukuhan keharmonian Selangor.

"Rakyat bersatu hati dan bekerja kuat pastinya dilimpahi rezeki kemajuan ekonomi negeri daripada Tuhan.

"Buktinya, walaupun kita diserang pihak tertentu dan ada media memutar belit kenyataan pimpinan Selangor, namun kita tetap muncul sebagai negeri paling maju juga kaya, dalam Malaysia," katanya.

100 makanan terbaik dalam satu acara

SHAH ALAM - Sebanyak 100 makanan terbaik Selangor akan dikumpulkan dalam satu acara bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati keunikan makanan lokal dan street food, di negeri itu.

Exco Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Sukan,

Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, ia adalah sasaran sempena dengan Selangor International Food Festival yang bakal kembali, pada tahun ini.

"Ia bagi meneroka kepelbagaian makanan dan minuman lokal yang menjadi tarikan dalam ka-

langan masyarakat sama ada di dalam juga luar negeri," katanya.

Amirudin berkata demikian dalam catatan di laman Facebooknya ketika di Mumbai pada 23 Februari lalu bagi mempromosikan Selangor International Food Festival 2018 sempena program Malaysian Magic @ Pondi-

chery Cafe, Sofitel Hotel & Resorts Mumbai.

Lawatan itu juga untuk meninjau potensi Mumbai sebagai satu peluang menarik pelancong India datang ke Selangor khususnya yang terkenal dengan kepelbagaian makanan rakyat popular seperti Sate Kajang, Nasi Ambeng, Tauhu

Sumedang, Cendol dan makanan popular kaum Cina serta India.

Turut hadir, Konsul General Malaysia di Konsulat Malaysia Mumbai, Zainal Azlan Mohd Nadzir; Pengarah Tourism Malaysia Mumbai, Mohd Hafiz Hashim dan Pengurus Besar Sofitel Mumbai, Biswajit Chakraborty.



Fastabiqul khairat pastikan pentadbiran telus

CYBERJAYA - Kerajaan Selangor mengamalkan prinsip fastabiqul khairat dalam menegakkan pentadbiran telus dan baik demi kemajuan negeri juga rakyat.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, pendekatan melalui prinsip itu dipraktikkan Kerajaan Negeri seperti dinyatakan Dato' Menteri Besar ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2018.

"Prinsip fastabiqul khairat iaitu berlumba-lumba mengerjakan kebaikan bukan sahaja perlu menjadi prinsip kehidupan,

bahkan perlu mendasari segala usaha pemerintahan termasuk menganjurkan perdamaian, memperkukuhkan ukhwa dan mengintai muafakat.

"Dalam pentadbiran negeri, tatakelola baik adalah salah satu tonggak kebaikannya kerana melaluinya amalan ketelusan dan kebertanggungjawaban menjamin kemakmuran serta kesejahteraan negeri juga rakyat," katanya, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, melalui pendekatan itu diyakini Selangor akan terus makmur dan berada pada landasan mantap dalam menjayakan agenda Smart Selangor.

28 BLVD
SOHO & PANGSAPURI SERVIS

PELANGARAN FASA TERAKHIR
TAWARAN DISKAUN BUMIPUTERA

Kunjung Galeri Jualan kami hari ini

28 Jalan Perdana 3/10,
Pandan Perdana,
55300 Kuala Lumpur.

Waktu operasi: 10pagi - 6ptg
T (03) 2163 4567 / 2161 4567
W www.beverlygroup.com.my



BEST BOULEVARD SDN BHD (735495-M)
a subsidiary of Beverly Group Sdn Bhd

Etika Twins Tower 2, Level 13 Unit A
No.11, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur.
T (03) 2161 2345 F (03) 2162 2345



No. Lesen Pemaju: 13541-1/07-2018-01555 (L) | Tempohan: 14/07/2017 - 13/07/2018 | No. Permit Pengiklanan & Jualan: 13541-1/07-2018/01555 (P) | Tempohan: 14/07/2017 - 13/07/2018 | Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Ampang Jaya | No. Rujukan: MPAJ/OSC/DEV/39/13 | Pegangan Tanah: Pajakan (Hingga 01 Mar 2100) | Sebatan Tanah: Maybank Islamic Berhad | Sekatan Kepentingan: Tanah yang dibawahi ini tidak boleh dipindahmilik, digadai, atau dipajakkan melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada PBT. | Bilangan Unit: 1284. Jenis Rumah: SOHO. Harga Jualan Dari RM382,857 (min) - RM1,418,571 (max) | Bilangan Unit: 636. Jenis Rumah: Pangsapuri Perkhidmatan. Harga Jualan Dari RM538,571 (min) - RM1,397,143 (max) | Tarikh Dijangka Siap: Aug 2019



Selangor terus jadi pilihan

Lapan syarikat Jepun intai pelaburan baru

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Lapan syarikat pelaburan terbesar dari Jepun kini sedang meninjau prospek pelaburan terbaru, di negeri berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Dato' Hasan Azhari Idris berkata, perincian nama syarikat berkenaan bakal diumumkan, dalam tempoh terdekat.

"Selepas delegasi Selangor mengadakan lawatan kerja pelaburan di Jepun baru-baru ini, kita sudah menerima senarai lapan syarikat dari negara matahari terbit itu yang akan meneruskan projek pelaburan, di negeri ini.

"Namun buat masa sekarang, kita tidak boleh dedahkan nama syarikat kerana terdapat beberapa prosedur dan ketetapan di pihak mereka," katanya.

Beliau bercakap kepada SelangorKini pada majlis sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru



Cina peringkat negeri, di Dataran Petaling, baru-baru ini.

Terdahulu, Selangor berjaya meraih perolehan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion daripada sebuah syarikat berteknologi tinggi, dari Jepun.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerancangan kemasukan pelaburan dari Jepun membuktikan ekonomi Selangor masih kukuh serta menjadi destinasi pilihan

pelaburan jangka panjang walaupun iklim kewangan dunia dilihat tidak menentu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud berkata, Jepun adalah pelabur keempat terbesar negara meliputi pelbagai bidang antaranya sektor pembuatan memabitkan 53 projek dengan nilai pelaburan RM1.9 bilion, tahun lalu.

Gerbang pelaburan dan kepesatan ekonomi

PETALING JAYA - Ekonomi negara ini berkembang positif hasil kemajuan dan kestabilan ekonomi di Selangor, kata Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan, dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim.

Beliau berkata, Selangor adalah gerbang kepada perolehan kepesatan ekonomi yang berjaya meletakkan ekonomi Malaysia pada tahap terbaik.

"Selangor adalah gerbang pelaburan negeri dan menjadi contoh kepada negeri lain. Kepelbagaian-nya bukan sekadar kemampuannya dalam bidang ekonomi tetapi turut meliputi aspek perpaduan dan sosial.

"Malaysia hanya berjaya apabila Selangor berjaya kerana kemajuan Selangor adalah tiga tahun ke hadapan berbanding kemajuan Malaysia.

"Oleh itu, Kerajaan Selangor terus berusaha gigih membina Selangor sebagai *model state* dan ia memerlukan usaha berterusan daripada rakyat pelbagai kaum untuk merealisasikan hasrat itu," katanya, di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, Selangor kekal menjadi penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh berakhir tiga tahun berturut-turut.

Ia sekali gus memberi gambaran jelas berhubung tahap kemajuan pertumbuhan ekonomi



Selangor adalah gerbang pelaburan negeri dan menjadi contoh kepada negeri lain

TENG CHANG KHIM
Exco Pelaburan

negeri, sekali gus memperlihatkan bahawa kemajuan ekonomi berada pada landasan terbaik kini.

Statistik 2016 menyaksikan KDNK negeri berkembang kepada 22.7 peratus berdasarkan laporan dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ia diikuti Wilayah Persekutuan (15.5%), Sarawak (9.8%), Johor (9.4%), Pulau Pinang (6.7%) dan Sabah (6.7%).



Central Spectrum-perbadanan infrastruktur India meterai MOU

SHAH ALAM - Central Spectrum Sdn Bhd (CSSB) yang juga pema-ju hartanah berpangkalan di Selangor menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Perbadanan Infrastruktur Perindustrian Negeri Telangana (TSIIC).

Kedua-dua pihak bersetuju menjalinkan kerjasama bagi mempromosi hab teknolo-

gi dalam bidang sains hayat, bioteknologi, penjagaan kesihatan dan peralatan perubatan melalui memorandum yang dimeterai.

Ketua Pegawai Eksekutif CSSB, Dato' Mahmud Abbas berkata, memorandum itu akan merangkumkan elemen strategik dan melaksanakan promosi yang giat bagi Selangor serta

Telangana.

"Kami juga turut menawarkan peluang kepada Telangana untuk menjadi sebahagian daripada Ahli Majlis," katanya, di Hyderabad, India, baru-baru ini.

Pada masa sama, kedua-dua pihak turut mempromosikan hab dalam bidang penyelidikan, pra-klinikal, farmaseutikal dan pembangunan peranti.

Sasar pelaburan perkilangan RM7 bilion

SHAH ALAM - Selangor menasaskan perolehan RM7 bilion bagi sektor perkilangan domestik dan pelaburan asing, tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Dato' Hasan Azhari Idris berkata, jumlah berkenaan diyakini mampu dicapai hasil kepesatan pembangunan ekonomi negeri.

"Tahun lalu, RM3 bilion berjaya diraih bagi tempoh sehingga penghujung suku.

"Sementara itu, pelaburan sektor perkilangan domestik

dan *foreign direct investment* yang disasarkan adalah RM7 bilion, untuk prestasi tahun ini," katanya kepada SelangorKini ketika ditemui pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina, di Dataran Petaling, baru-baru ini.

Terdahulu, Invest Selangor optimis mencapai sasaran pelaburan tahun ini walaupun berdepan krisis ekonomi dunia yang mencabar.

Hasan Azhari berkata, Invest Selangor akan mengambil beberapa langkah proaktif dalam menghadapi situasi ekonomi tidak menentu, ketika ini.

Ia termasuk meningkatkan hubungan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), dewan perniagaan tempatan dan luar negeri.

Selain itu, tumpuan lain termasuk inisiatif meningkatkan rombongan perdagangan ke luar negara melalui seminar pelaburan atau mesyuarat meja bulat.

Tahun lalu, RM3 bilion berjaya diraih bagi tempoh sehingga penghujung suku

DATO' HASAN AZHARI IDRIS
Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor

Evolusi Seiring peredaran masa

Perpustakaan awam Selangor lebih kontemporari



OLEH SABIRAH AZIZ

SHAH ALAM - Kewujudan perpustakaan yang dahulunya sekadar dijadikan tempat mengulangkaji pelajaran dan meminjam bahan bacaan bagi memperoleh ilmu pengetahuan kini berubah perspektifnya melalui evolusi perpustakaan berkonsepkan idea moden serta kontemporari yang berjaya menarik minat pengunjung untuk meluangkan lebih banyak masa, di pusat ilmu itu.

Ia dilihat seiring perkembangan semasa apabila fungsinya diperluaskan dengan pelbagai

kemudahan dan infrastruktur, sekali gus menarik perhatian segenap lapisan masyarakat tanpa mengira had umur.

Bersesuaian dengan usaha Kerajaan Negeri mewujudkan lebih banyak perpustakaan di seluruh Selangor, maka ia sudah melahirkan lebih ramai golongan berintelektual, membentuk masyarakat berilmu dan berbudaya.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, perpustakaan adalah gerbang ilmu dan hikmah serta menyediakan akses kepada masyarakat untuk mendapat ilmu penge-



Transformasi perpustakaan milik PPAS mempertingkatkan budaya cintakan ilmu

lahan dan menyuburkan masyarakat maju ke arah inovasi yang kreatif.

"Apa yang lebih penting, dalam menjamin kejayaan sesebuah bangsa adalah keupayaan Kerajaan Negeri untuk fokus kepada pembangunan intelektual.

"Pendirian yang diambil Kerajaan Negeri ini didorong hasil komitmen untuk melakukan perubahan dan inisiatif terbabit

mendorong Selangor menjadi negeri yang terus membangun," katanya.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menambah bilangan perpustakaan daripada 88 kepada 102 perpustakaan yang berjaya menarik 11.2 juta pengunjung.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM8.65 juta bagi menaik taraf tiga perpustakaan daerah dan satu

perpustakaan desa (RM8 juta), membina perpustakaan desa baru (RM 450,000) dan melengkapkan koleksi (RM200,000).

Di samping itu, Kerajaan Negeri giat memacu pertumbuhan pembangunan intelektual melalui inisiatif penerbitan semula buku ilmiah oleh ilmuan Islam serantau yang dizahirkan secara konsisten dalam pelaksanaan 'Agenda Pencerahan'.

Berjaya laksana 102 pusat perkhidmatan PPAS

SEBANYAK 102 pusat perkhidmatan Perpustakaan Awam Selangor juga berjaya dilaksanakan termasuk 50 daripadanya adalah perpustakaan yang dinaik taraf.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhamad berkata, jumlah perpustakaan yang diberikan penjenamaan semula itu menerima sambutan menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.

"Kewujudan perpustakaan ini banyak membantu pengunjung dan memberi kesan positif kepada mereka, sekali gus membantu pelbagai golongan masyarakat yang memerlukan ilmu pengetahuan.

"Ia termasuk perpustakaan yang baru dibina dan *smart mobile library* (SML) dan ia selaras dengan hasrat juga saranan Kerajaan Negeri untuk mengangakat imej serta martabat perpustakaan sebagai rumah kedua kesayangan rakyat.

Melalui proses penjenamaan

semula itu, PPAS turut dijadikan antara model perpustakaan awam negeri dengan sistem pengurusan yang lebih sistematik," katanya kepada SelangorKini, baru-baru ini.

Mastura berkata, sehingga kini, terdapat 45 perpustakaan bertaraf cawangan, pekan dan daerah dinaik taraf menerusi program *rebranding* sejak Rancangan Malaysia ke 10 (RMK10) serta RMK11.

"Setiap penjenamaan semula turut menunjukkan hasil membanggakan dengan sambutan menggalakkan komuniti setempat. Sebelum ini, kita menerima 10 atau 20 pengunjung, namun kini ia meningkat iaitu kira-kira 50 hingga 200 pengunjung, setiap hari.

"Ini menunjukkan perpustakaan mampu menarik minat masyarakat untuk dikunjungi dan melepak seterusnya menerima 'getaran positif' daripadanya," katanya.

The Buggy Ride tarikan ke Perpustakaan Raja Tun Uda

SHAH ALAM - Perkhidmatan *buggy* di Perpustakaan Raja Tun Uda menjadi tarikan kepada pengguna untuk datang ke perpustakaan kerana perkhidmatan itu lazimnya disediakan, di hotel atau padang golf.

Mula digunakan sejak 2014, ia berjaya menarik minat pengunjung sehingga menerima jumlah tertinggi sejak perpustakaan itu dibuka di bangunan baharu pada 2011 iaitu sebagai penyelesaian kepada masalah parkir yang tidak mencukupi serta kawasan parkir sementara yang terletak agak jauh daripada bangunan perpustakaan.

Bagi menampung jumlah pengunjung dan pengguna perpustakaan yang tinggi, kompleks parkir bertingkat menggunakan tenaga solar kini turut dibina dengan 620 tapak parkir yang dijangka siap, pada Julai ini.

Oleh itu, perkhidmatan *buggy* yang disediakan menjadi sangat bermanfaat bagi memudahkan pergerakan pengguna per-

pustakaan selain mengambil kira faktor keselamatan pengguna.

Ia juga adalah satu-satunya perkhidmatan seumpamanya di perpustakaan, di Malaysia. Sehingga kini, sebanyak empat *buggy* disediakan dengan dua *buggy* lagi akan ditambah yang sudah memberi manfaat kepada 172,384 pengguna.

Selain itu, perkhidmatan terbabit melalui poster bertajuk *The Buggy Ride @ Raja Tun Uda Library* turut memenangi Best IFLA Poster 2017 di Persidangan World Library and Information Congress (WLIC), di Wroclaw, Poland.

Dalam pertandingan itu, PPAS menghantar dua tajuk poster dengan satu lagi bertajuk *Raise A Reader, Build A Nation of Readers: Building Solidarity Among Library Societies*.

Ia adalah penyertaan kali kedua PPAS dalam pertandingan poster anjuran International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) kali ke-83 selepas tahun 2016, di Columbus,

Statistik Perkhidmatan Buggy dari tahun 2014 hingga 2017:

2014: 12,914 pengguna
2015: 16,226 pengguna
2016: 60,823 pengguna
2017: 82,421 pengguna



Ohio, Amerika Syarikat.

Kejayaan PPAS di persada antarabangsa itu adalah hasil sokongan Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, yang menggalakkan pendedahan, peluasan ilmu serta pengalaman bagi membangun bangsa dan masyarakat yang berkemajuan.

Difahamkan, sebanyak 188 poster dipertandingkan dari seluruh dunia dan Malaysia diwakili dua perpustakaan awam negeri iaitu Selangor dan Pahang.



Pembukaan Dewan Rakyat

Agong titah perkasakan integriti

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang Dipertuan Agong, Sultan Muhammad V menyentuh isu integriti dan tadbir urus pentadbiran awam dalam titah ucapannya dalam Istiadat Pembukaan Penggal Keenam Majlis Parlimen Yang Ke-13 2018 di Bangunan Parlimen, pada 5 Mac lalu.

Titah baginda, hal itu kerana integriti dan tadbir urus pentadbiran awam perlu diperkasakan bagi membanteras elemen kebobrokan, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Usaha akan diteruskan untuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan supaya lebih cekap bagi menjadikan Malaysia antara kelompok 20 negara teratas, di dunia," titah baginda.



Selain itu, baginda turut mengalu-alukan penurunan kuasa Kerajaan Persekutuan secara pentadbiran bagi perkara tertentu untuk membolehkan kementerian dan agensi kerajaan di Sabah serta Sarawak membuat keputusan segera ke atas program juga projek untuk rakyat.

Sementara itu, baginda juga melahirkan rasa sukacita apabila

pelbagai program dan aktiviti bagi memperkasakan golongan wanita dalam pelbagai sektor dilaksanakan termasuk memastikan 30 peratus daripada mereka berada di peringkat pembuat keputusan.

"Kini sasaran terbabit sudah tercapai dalam sektor awam dan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia," titah baginda.

Pendapatan kritikal dalam tempoh 10 tahun

SHAH ALAM - Trend pendapatan bulanan mahasiswa universiti peringkat ijazah pertama mencatat kejatuhan drastik dalam tempoh 10 tahun.

Pemerhati Politik, Faiz Fadzil berkata, senario itu juga lebih parah apabila 2017 menyaksikan kejatuhan 84.89 peratus bagi mahasiswa berpendapatan RM3,000 dan ke atas, berbanding 55 peratus bagi yang berpendapatan RM2,000 ke bawah.

Katanya, senario itu bukan sa-

haja terjadi kepada lepasan ijazah pertama, malah graduan lepasan PhD turut berkongsi nasib sama.

"Peratusan mereka berpendapatan RM3,000 ke atas jatuh 43 peratus, sebaliknya pendapatan diperoleh lepasan PhD sebanyak RM1,500 bertambah 19.7 peratus berbanding 2.7 peratus pada 2016 dan 0.5 peratus, pada 2008.

"Manakala lepasan sijil dan diploma juga menunjukkan senario sama apabila semakin ramai ber-

pendapatan RM1,500 ke bawah," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak berbangga dengan pengumuman 1.9 juta peluang pekerjaan dicipta kepada mahasiswa sejak 2010 hingga 2016 di bawah program Transformasi Nasional (TN50).

Pada masa sama, Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016 juga merekodkan 61 peratus pengangguran yang berlaku adalah dalam kalangan anak muda.

Menteri punca ramai mahasiswa menganggur



Walaupun peratusan kebolehpasaran mahasiswa meningkat, namun daripada segi jumlahnya lebih ramai menganggur selepas enam bulan tamat pengajian

SHAH ALAM - Sikap menteri yang memilih dalam mendedahkan statistik kebolehpasaran mahasiswa menjadi punca peningkatan tahap pengangguran, di negara ini.

Mahasiswa Pakatan Harapan berkata demikian berhubung kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, pada sidang media selepas majlis pelancaran TRC Edu Centre di Politeknik Ungku Omar, pada 20 Februari lalu.

Dalam sidang media itu, Idris berkata, kadar purata kebolehpasaran mahasiswa di institusi pengajian tinggi negara ini meningkat empat peratus bagi tempoh empat tahun, mulai 2014 hingga 2017.

Henti guna tiga produk kosmetik

SHAH ALAM - Orang ramai digesa berhenti menggunakan tiga jenis produk kosmetik yang dikesan mengandungi racun berjadual jenis merkuri, *hydroquinone* dan *tretinoin* yang boleh menjejaskan kesihatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mengesan tiga produk iaitu GG Pinky Day Cream For Skin, Tati Therapy Cream 1 dan Tati Therapy Cream 2 yang mengandungi tiga jenis racun berjadual itu.

Katanya, GG Pinky Day Cream For Skin dan Tati Therapy Cream 1 dikesan mengandungi merkuri, manakala Tati Therapy Cream 2 dikesan mengandungi *hydroquinone* serta *tretinoin*.

"Justeru, kita minta orang awam yang sedang menggunakan produk berkenaan supaya segera menghentikan penggunaannya dan dapatkan nasihat ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan sampingan," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, produk kosmetik yang dicampur dengan merkuri boleh memudaratkan kesihatan kerana racun itu menyerap masuk ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang serta sistem saraf.

"Ia juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak kecil atau yang belum dilahirkan, manakala kemudaratan pendedahan kepada merkuri juga boleh dialami orang sekeliling terutama bayi dan kanak-kanak apabila produk kosmetik mengandungi merkuri yang disapu pada kulit itu meruap serta

dihidu.

"Penggunaan produk mengandungi merkuri juga boleh menyebabkan ruam, rंगा dan perubahan lain pada kulit," katanya.

Noor Hisham berkata, produk kosmetik dicampur dengan *hydroquinone* pula boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit yang tidak diingini, malah kulit menjadi hipersensitif.

"Kesan penggunaan bahan ini boleh menghalang proses pigmentasi (depigmentasi) yang mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV berbahaya dan boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

"Selain itu, bahan *tretinoin* yang biasanya dipromosi untuk tujuan merawat masalah jerawat dan membantu mengurangkan kedutan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas serta hipersensitif kepada cahaya matahari," katanya.

Katanya, produk mengandungi *hydroquinone* dan *tretinoin* adalah produk farmaseutikal yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah serta hanya boleh digunakan dengan nasihat profesional kesihatan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan produk kosmetik, boleh menghantar e-mel kepada kosmetik@npa.gov.my atau menghubungi talian 03-78835400.

Pengguna dan orang ramai dinasihatkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA di <http://npa.moh.gov.my/>.

lebih rendah jika diambil tempoh masa sembilan tahun dari empat tahun seperti dinyatakan," kata mereka dalam kenyataan.

Berdasarkan kajian sama, walaupun kadar peratusan kebolehpasaran mungkin meningkat 1.4 peratus dalam tempoh lapan tahun, namun daripada segi jumlah pengangguran dalam kalangan mahasiswa selepas enam bulan tamat pengajian sudah meningkat seramai 20,574, pada tahun 2016.

"Ia jelas menunjukkan walaupun peratusan kebolehpasaran mahasiswa meningkat, namun daripada segi jumlahnya lebih ramai graduan menganggur selepas enam bulan tamat pengajian, dari tahun ke tahun," katanya.

Mahasiswa Pakatan Harapan yang terdiri daripada Na'im Brundage (Mahasiswa Keadilan Malaysia), Khuzairi Mazlan (Mahasiswa Amanah Nasional) dan Leong Yu Sheng (DAPSY Biro Hal Ehwal Varsiti) membidas kenyataan itu.

"Apabila kajian itu diteliti, peratusan peningkatan kebolehpasaran mahasiswa meningkat dengan kadar lebih rendah jika tempoh masa lebih panjang digunakan.

"Contohnya, jika kiraan dibuat berdasarkan tempoh masa sembilan tahun, maka kadar kebolehpasaran mahasiswa meningkat 3.2 peratus, dari tahun 2008 hingga 2017. Oleh itu, kadar peningkatan boleh dikatakan meningkat jauh



Angka mangsa meningkat di Australia

Tembikai tercemar punca Listeria

SYDNEY - Tiga maut manakala 12 lagi jatuh sakit selepas dijangkiti wabak listeria yang dipercayai ada kaitan dengan buah rockmelon atau tembikai wangi yang tercemar, kata pihak berkuasa Australia.

Agensi Berita Antarabangsa REUTERS melaporkan, wabak itu turut dikaitkan dengan tembikai dikenali sebagai *cantaloupes* yang ditanam, di timur New South Wales, demikian menurut pihak berkuasa makanan yang mengesahkannya, di laman sesawang mereka.

Difahami, syarikat pengeluar yang masih dirahsiakan identitinya sudah menghentikan operasi dan dalam proses siasatan.

NSW Health berkata, semua 15 mangsa adalah warga emas yang menetap, di sekitar Victoria hingga ke Tasmania.

"Kami mengesahkan bahawa 13 daripada 15 kes mengalami gejala dan jatuh sakit selepas memakan rockmelon," kata Pengarah Penyakit Berjangkit, NSW Health, Dr Vicky Sheppard, dalam satu kenyataan akhbar.

Bakteria listeria mudah menjangkiti mereka yang mempunyai daya ketahanan badan yang lemah seperti warga emas, bayi baru lahir dan wanita hamil.

Institut Kebangsaan Penyakit Berjangkit bulan lalu berkata, lebih 170 maut, di Afrika Selatan, sejak Januari 2017.

Raja Salman pecat ketua turus tentera

ARAB SAUDI - Pemimpin Arab Saudi, Raja Salman, memecat ketua turus tentera dan beberapa komander kanan lain pada 26 Februari lalu dalam perubahan mengejut ke atas badan pertahanan negara itu, lapor media kerajaan.

Pelantikan penjawat awam turut diumumkan termasuk seorang wanita, Tamadar Yousef al-Ramah, sebagai timbalan menteri buruh dan pembangunan sosial selain Putera Turki Talal iaitu adik bilionair, Putera Al-Waleed Talal, yang diasas rasuah sebelum ini sebagai timbalan gabenor wilayah Assir.

Beberapa dekri diraja dikeluarkan lewat 26 Februari (waktu tempatan) itu menggantikan ketua tentera darat serta udara selain pegawai kanan dalam Kementerian dalam negeri.

Tiada sebab rasmi diberikan untuk tindakan berkenaan tetapi ia menyusul ketika campur tangan tentera diketuai Arab Saudi di Yaman terhadap pemberontak Houthi disokong Iran yang kini menghampiri tahun keempat, lapor AFP.

Agensi berita rasmi Saudi Press Agency (SPA) menyebut: "Perkhidmatan Jeneral Abdul Rahman Saleh al-Bunyan, Ketua Turus, ditamatkan dengan Fayyad al-Ruwaili dilantik menggantikannya."

Pemecatan Abdul Rahman yang mengejutkan itu berlaku selepas beliau merasmikan pameran besar minggu ini oleh Saudi Arabian Military Industries (SAMI) iaitu syarikat pertahanan milik kerajaan yang mengetengahkan usaha berterusan pembaharuan dalam sektor berkenaan.

PROTON PERDANA BARU* UNTUK DIMENANGI



"ANDA BERPELUANG MEMILIKI PROTON PERDANA BARU*"

DAPATKAN ANGKA 118 DAN MENANGI PROTON PERDANA BARU. Caranya mudah sahaja:

- 1) Ambil 2 angka terakhir tahun kelahiran Anda;
- 2) Kemudian tambahkan dengan umur Anda pada tahun 2018;
- 3) Adakah Anda mendapat angka 118?

Kirimkan jawapan anda dan dapatkan maklumat cara untuk memenangi Proton Perdana Baru

PERHATIAN! Promosi Hadiah Utama adalah terhad! Lengkapkan kupon dan hantar sekarang!



Pusat Panggilan:
03-2716 6363
Setiap hari dari jam 8 pagi hingga 7 petang.

KUPON PENYERTAAN
ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA:
BEST PRODUCTS, P.O. BOX 12366, 50776 KUALA LUMPUR.

- Ya, saya telah mendapat angka 118!
- Ya, saya ingin berpeluang memenangi wang RM150,000!
- Ya, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangi hadiah ini.

No. kod: 3.602.070318.29.7.1

Nama Penuh:

Jantina: Lelaki Perempuan

Tarikh Lahir: ____/____/____
Hari Bulan Tahun

Alamat:

Poskod: ____ Bandar:

Nombor Telefon: Rumah: _____

Bimbit: _____

Emel:

Tandatangan:



*Terma dan Syarat Kempen Pemasaran ("Kempen")
1) Kempen ini dianjurkan oleh Home Direct Shopping Sdn Bhd (1110325-V) ("Syarikat"). Pusat Perkhidmatan Pelanggan beralamat di 32A-2, Jalan PJS 8/2, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor dengan No. Lesen Jualan Langsung (Jualan Pesanan Pos) AJL 932090. 2) Kempen ini akan berlangsung dari 1 Mac 2018 hingga 31 Mac 2018 ("Tempoh Kempen"). Selepas tamat Tempoh Kempen, jika pesanan anda tidak diayuh untuk kempen ini, pesanan anda secara automatik akan dimasukkan ke dalam kempen baru kami yang akan datang (jika ada). 3) Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan Berpeluang"). 4) Pelanggan Berpeluang (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Penuh) mempunyai peluang untuk memenangi hadiah-hadiah berikut: Satu Hadiah Utama berupa kereta Proton Perdana 2.4L seperti iklan di atas ATAU wang tunai sebanyak RM150,000.00; Satu Hadiah Tambahan Pertama wang tunai sebanyak RM30,000.00; atau Satu Hadiah Tambahan Kedua wang tunai sebanyak RM3,999.00. 5) Kempen ini akan terbahagi kepada empat (4) peringkat: a) Peringkat 1: Syarikat akan memberi peluang kepada Pelanggan Berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini dengan melakukan langkah-langkah seperti yang dinyatakan di dalam iklan di atas. b) Peringkat 2: Pelanggan Berpeluang hendaklah mendaftar dengan Syarikat sama ada dengan menefon nombor telefon Syarikat ataupun menghantar kupon yang telah dilengkapkan ke alamat Syarikat. c) Peringkat 3: Setelah mendaftar, Pelanggan Berpeluang akan menerima melalui pos pakej mel Syarikat yang akan mengandungi katalog-katalog Syarikat, bahan-bahan promosi serta Terma dan Syarat Penuh; dan d) Peringkat 4: Pelanggan Berpeluang hendaklah membuat pesanan berdasarkan katalog Syarikat dan membuat bayaran penuh bagi produk yang dipesan. Kriteria pemilihan pemenang adalah seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Penuh. 6) Dengan melengkapkan kupon dan mengespanya kepada Syarikat, Pelanggan Berpeluang bersetuju dengan terma-terma dalam Notis Privasi Syarikat bahawa data peribadi beliau yang dikumpul melalui proses ini boleh diproses, disimpan, dikumpul, digunakan oleh Syarikat, atau diizinkan kepada pihak ketiga yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak yang bersekutu dengan Syarikat yang mungkin berada di luar Malaysia, bagi tujuan pengiklanan, kempen promosi, pemasaran termasuk menerima katalog atau dokumen informatif Syarikat atau pihak ketiga. 7) Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Penuh, Polisi Pemuliharaan Syarikat dan Notis Privasi Syarikat yang akan dihantar selepas pendaftaran atau melalui laman web kami di www.bestproducts.my.

* Gambar untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat



Terima hak milik tanah selepas sembilan tahun

Penantian tiga keluarga berakhir

OLEH SHEEDA FATHIL

SEKINCHAN - Penantian tiga keluarga di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sekinchan berakhir apabila berjaya menerima pampasan hak milik tanah, selepas sembilan tahun menanti.

Ahli Dewan Negeri Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berjaya menyelesaikan masalah itu dengan membangunkan tiga rumah kepada mereka sebagai ganti.

"Sebelum ini, rumah mereka terpaksa dirobohkan kerana PKNS ingin membangunkan sebuah projek pembangunan pangsapuri di tanah berkenaan, berhampiran Balai Polis Sekinchan.

"Pada masa itu, Kerajaan Negeri berjanji untuk memberikan pampasan kepada tiga keluarga berkenaan dengan mengusahakan tanah ini supaya diberi geran hak pemilikan," katanya. Suee Lim berkata, Kerajaan Negeri tetap berjaya menyelesaikannya walaupun terdapat banyak



Suee Lim (tengah) menyerahkan borang kelulusan 5A kepada M Rabas (kiri) dan M Ratnom (kanan), di kediaman baru mereka, di sini, pada 27 Februari lalu

rintangan bagi mendapatkan hak milik tanah kepada keluarga berkenaan.

"Sebenarnya, tanah mereka duduki sebelum ini adalah tanah rizab jalan iaitu hak milik Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), namun kita berjaya menguruskan kekangan ini langkah demi langkah. Selepas sembilan ta-

hun, Kerajaan Negeri bersama Pejabat Tanah Daerah (PTD) berjaya kotakan janji kepada mereka atas usaha saya," katanya selepas menyerahkan borang kelulusan 5A kepada tiga keluarga berkenaan, di kediaman baru penerima itu, di sini, pada 27 Februari lalu.

Suee Lim berkata, itu cara

Kerajaan Negeri membela nasib rakyat tidak kira Melayu, Cina, India dan Melayu iaitu apabila berjanji harus ditunaikan.

Pada masa sama, Suee Lim berkata, syarat turut dikenakan terhadap tiga pemilik terbabit iaitu mereka tidak boleh menyewakan rumah berkenaan kepada orang lain.

"Menariknya, Kerajaan Negeri turut menawarkan insentif bayaran premium RM1,000 sahaja dan belum ada mana-mana Kerajaan Negeri yang mampu melaksanakan insentif sedemikian. Bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada tiga penerima kerana berjaya memiliki kediaman yang lebih selesa ini," katanya.

Sementara itu, M Rabas Sanderek, 53, berkata beliau gembira kerana selepas sembilan tahun menanti akhirnya berjaya memiliki rumah yang lebih selesa daripada sebelum ini.

"Sebelum ini belum pernah menerima geran hak milik tanah sedangkan sudah hampir 40 tahun menetap, di kediaman itu," katanya.

Bagi, M Ratnom, 60, berkata, beliau berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana peduli dengan nasib rakyat.

"Saya dan keluarga gembira dan tidak sangka mendapat rumah yang sangat luas juga selesa seperti ini berbeza berbanding kediaman sebelum ini," katanya.

Awasi kaedah penggunaan internet

SHAH ALAM - Ibu bapa disarankan mengawasi anak masing-masing khususnya dalam penggunaan internet yang boleh memudaratkan mereka.

Ahli Dewan Negeri Sri Muda, Shuhaimi Shafei berkata, peranan ibu bapa dalam melindungi kanak-kanak sama ada dalam realiti atau alam maya masih menjadi tanggungjawab mutlak mereka.

Katanya, tindakan ibu bapa mengawal tindakan berlebihan itu mampu mengatasi ketagihan internet atau gadget anak mereka.

"Dunia sangat moden masa kini dan pelbagai perkara didedahkan dalam internet. Oleh itu, ibu bapa perlu mengawal dan mengatasinya supaya tidak memudaratkan anak," katanya pada Perasmian Seminar Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) dan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK), di Majlis AL-Falah, Jalan Kebun, di sini, baru-baru ini.

Shuhaimi berkata, risiko utama untuk kanak-kanak berhubung internet yang perlu dipandang serius ialah buli siber, grooming siber dan dera atau eksploitasi seksual siber kerana sifat internet itu sendiri global, menjangkau



Shuhaimi turun padang pada program perasmian Seminar Penilaian Sekolah Rendah Agama dan Ujian Penilaian Kelas KAFA, di Majlis AL-Falah, Jalan Kebun

batasan undang-undang negara, mudah diakses oleh pelaku serta mangsa, anonimiti juga teknologi itu sendiri.

"Jika dulu, penggunaan internet menggunakan telefon pintar amat terhad kepada golongan profesional tapi kini akses internet menerusi telefon bimbit bukan sesuatu yang luar biasa.

"Sehubungan itu, ibu bapa perlu berkongsi dan mendekati anak untuk membantu serta melihat sendiri perkembangan mereka," katanya.

Pesta bola sepak DUN Rawang meriah



Pei Nei (tengah) bersama 9 Sebelah yang diadakan di Stadium Mini Taman Kanching Jaya, Rawang, pada 25 Februari lalu

SHAH ALAM - Pesta Bola Sepak 9 Sebelah yang diadakan di Stadium Mini Taman Kanching Jaya, Rawang, berlangsung dengan penuh meriah.

Ahli Dewan Negeri Rawang, Gan Pei Nei berkata, ia adalah anjuran bersama Jawatankuasa Penduduk Zon 14, Rawang.

"Pesta Bola Sepak ini memabitkan 16 pasukan terdiri daripada penduduk, di kawasan Rawang dan Selayang.

"Acara sukan seperti ini sememangnya diadakan setiap tahun

yang bertujuan mencungkil bakat baharu pemain bola sepak," katanya ketika dihubungi SelangorKini, baru-baru ini.

Pada masa sama, Pei Nei berkata, beliau turut berpeluang merasmikan acara Pesta Bola Sepak 9 Sebelah itu, pada 25 Februari lalu.

Selain itu, Pei Nei berkata, pesta terbabit juga dilaksanakan untuk memanfaatkan stadium mini berkenaan yang sudah siap kerja naik tarafnya bagi fasa pertama.

"Kerja naik taraf infrastruktur stadium mini ini adalah bagi

menggalakkan orang ramai menggunakannya dengan kemudahan yang lebih lengkap dan selesa," katanya.

Terdahulu, pesta berkenaan memabitkan kategori belia berumur 35 tahun ke bawah.

Antara hadiah ditawarkan adalah johan membawa pulang RM700 selain piala pusingan juga pingat, manakala naib johan, tempat ketiga serta tempat keempat masing-masing membawa pulang wang tunai RM400, RM300 dan RM150 juga pingat.

Majlis Apresiasi Kontraktor 2017

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. rai kontraktor

OLEH MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA - Bagi menghargai sumbangan dan kerjasama yang dijalin syarikat kontraktor, Kumpulan Semesta Sdn Bhd mengadakan Majlis Apresiasi Kontraktor 2017, di Hotel The Everly, di sini.

Ketua Jabatan Kontrak dan Perolehan, Mohamad Hisham Mohamad Ghaus berkata, ia adalah majlis kedua selepas ia diadakan tahun lalu sejak syarikat berkenaan ditubuhkan, pada 26 Jun 2008.

"Ini kali kedua dan ia bertujuan untuk meraikan serta menghargai sumbangan rakan sekerja kita (syarikat kontraktor) yang saling membantu antara satu sama lain demi menjana pendapatan untuk kebaikan Selangor serta rakyatnya.

"Syarikat ini sudah bersama kita di dalam industri perlombongan mineral Selangor. Selain itu, hasil daripada kolaborasi ini secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah dalam profil perniagaan bersama seterusnya menjana pendapatan kepada Selangor," katanya dalam ucapan Majlis Apresiasi Kontraktor 2017.

Katanya, hasil kerjasama erat



itu berjaya menunjukkan peningkatan prestasi jualan dari 2015 hingga 2017 dan ia suatu pencapaian terbaik.

"Bermula 15 September 2008, operasi syarikat mencecah pengeluaran dan penjualan pasir me-

lebih 61 juta tan metrik hingga 31 Disember 2017, di Selangor," katanya.

Hisham berharap, prestasi jualan itu akan terus meningkat dan membuahkan hasil yang lebih positif, pada tahun ini.

"Dalam usaha meningkatkan pengeluaran, kita berharap semua kontraktor dapat mematuhi segala peraturan yang ditetapkan Jabatan Teknikal supaya tiada notis dikeluarkan sepanjang menjalankan kerja industri perlombongan mineral ini," katanya.

Dalam majlis itu, sebanyak 70 syarikat kontraktor antaranya Sg Rambai Trading Sdn Bhd, Jarum Angkut Sdn Bhd, Mayfair Technologies Sdn Bhd, Becon Enterprise Sdn Bhd, Maramajumas Sdn Bhd, First Reap Sdn Bhd, Bestari Mining Sdn Bhd dan Emmina Best Cooperation Sdn Bhd membabitkan 170 wakil yang hadir bagi memeriahkan pelbagai aktiviti diaturkan.

Antara program yang berlangsung adalah pertandingan boling, cabutan bertuah dan penyampaian cenderahati Apresiasi 2017 kepada semua kontraktor serta penyampaian hadiah bagi 10 pemenang pertandingan boling.

Kumpulan Semesta Sdn Bhd ditubuhkan pada 26 Jun 2008 bertanggungjawab menguruskan pengeksploasian, pengekstrakan, pengeluaran, penjualan pasir dan sumber mineral.

Kepelbagaian dalam perniagaan syarikat berkenaan bermula pada 2016 dengan mempelopori perniagaan pasir, kuari, tanah liat, tanah beban dan tanah merah seluas kira-kira 3,286.39 ekar serta penyediaan skim melombong serta laporan kajian impak alam sekitar.

Syarikat itu juga mempunyai kecekapan dan keberkesanan menguruskan projek operasi seperti menguruskan projek serta jualan membabitkan lebih 70 kontraktor yang berbeza di tapak operasi.

Selain itu, ia mampu menguruskan lebih 400 lori jentera, mesin dan peralatan, pada satu-satu masa.

Reaksi sempena Majlis Apresiasi 2017

"Sebagai kontraktor, kita memang mahu wujud satu hubungan silaturahim yang erat dengan Kumpulan Semesta Sdn Bhd supaya kerjasama yang diwujudkan selama ini mampu memajukan industri perlombongan sumber mineral ini,"

Datuk Norizan Zainal,
Pengarah Emmina Best Cooperation Sdn Bhd



"Pada saya, Majlis Apresiasi 2017 yang dianjurkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd adalah satu usaha murni dalam menghargai kontraktor yang bekerjasama dengan mereka,"

Datuk Jerrad Tan Soon Seng,
Pengarah Eksekutif Sungai Rambai Trading Sdn Bhd



"Kita berharap kerjasama antara syarikat kami dengan Kumpulan Semesta Sdn Bhd akan terus terjalin dengan utuh. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas penghargaan yang diberikan kepada kami,"

S Savandarajan,
Pengarah Mayfair Technologies Sdn Bhd



"Kita mula bekerjasama dengan Kumpulan Semesta Sdn Bhd sejak 2008 dan kami ingin mengucapkan terima kasih atas tunjuk ajar yang diberikan dalam usaha meningkatkan mutu industri perlombongan sumber mineral ini,"

A Kumar,
Pengurus Bumi Intan Jaya Enterprise



"Terima kasih buat Kumpulan Semesta Sdn Bhd kerana meraikan kami dalam satu majlis yang cukup meriah dan tunjuk ajar kepada syarikat kami dalam memastikan operasi berjalan dengan lancar,"

Ismarau Tajuddin,
Pengurus Ismarau Tajuddin Sdn Bhd





▲ ADN Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari menyampaikan sumbangan Program KISS kepada penduduk setempat layak di DUN beliau



▲ Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian menyantuni peserta program Bengkel Memasak Nasi Arab dianjurkan di kawasan beliau



▲ ADN Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyempurnakan program penyerahan bantuan KISS kepada masyarakat setempat layak di kawasan beliau



▲ ADN Kota Alam Shah, V Ganabairau menyerahkan sumbangan kepada badan bukan kerajaan di kawasan beliau bertujuan penghargaan kepada aktiviti dan kempen positif anjuran mereka



▲ ADN Rawang, Gan Pei Nei menyampaikan sumbangan sempena Tahun Baru Cina kepada masyarakat setempat memerlukan di DUN beliau



▲ ADN Balakong, Ng Tien Chee turun padang meninjau kawasan aduan tanah mendap dan longkang pecah di kawasan beliau untuk tindakan selanjutnya



▲ Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud turun padang menyantuni dan memeriahkan program kemasyarakatan kaum India di kawasan beliau



▲ ADN Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Hassan turun padang menyantuni masyarakat setempat dalam aktiviti sukan rakyat berlangsung di DUN beliau



▲ ADN Dengkil, Shahrum Mohd Sharif menyantuni peserta Program STEM Robotics Prof@School diadakan di kawasan beliau



PENDIDIKAN



Bantuan Tuisyen Percuma SPM, PT3 & UPSR

TUISYEN ONLINE

Tuisyen **PERCUMA** untuk Calon **SPM** online

RM3 Juta
Perbelanjaan

1,054
Penerima



Manfaat Program

- Tuisyen percuma secara *online* kepada semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Negeri Selangor.



Syarat Permohonan

- Permohonan bermastautin di Negeri Selangor.
- Pendapatan per kapita keluarga tidak melebihi RM1,500.
- Permohonan adalah pelajar tingkatan 5.

“ Bertunjangan agenda besar iaitu Hasil Negeri Untuk Rakyat. Inisiatif Peduli Rakyat diperkenalkan sebagai kaedah pengagihan semula kekayaan kepada rakyat.”
Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, MENTERI BESAR SELANGOR



Pendaftaran dan muat turun borang secara *online* di laman website:

www.smartselangorfreetuition.com

www.ipr.selangor.gov.my

PENDIDIKAN



Caruman Untuk bayi Baru Lahir RM1,500

TAWAS

(Tabung Warisan Anak Selangor)

RM26 Juta
Perbelanjaan

277,385
Penerima



Manfaat Program

- Sekiranya anak anda menjadi ahli TAWAS, anak anda layak mendapat hadiah tabungan sebanyak RM1,500 daripada Kerajaan Negeri apabila umurnya mencapai 18 tahun. Manamana ahli TAWAS yang meninggal dunia sebelum mencapai umur 18 tahun, warisnya akan menerima khairat kematian sebanyak RM1,500. Anak anda yang menjadi ahli TAWAS layak menerima baucer RM50 seorang, sebelum memulakan sesi persekolahan Tahun Satu di bawah skim TAWAS.



Syarat Permohonan

- Syarat 1**
Permohonan adalah terbuka kepada Anak Selangor yang bermaksud rakyat Selangor yang memenuhi kriteria seperti berikut:
- Warganegara Malaysia dan lahir di Negeri Selangor atau luar Negeri Selangor mulai 1 Januari 2008.
 - Belum mencapai usia 3 tahun.
 - Ibu atau Bapa lahir di negeri Selangor atau Ibu atau Bapa lahir di Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974.
- Syarat 2**
Permohonan adalah terbuka kepada 'Anak yang dilahirkan di Negeri Selangor' yang memenuhi kriteria seperti berikut:
- Warganegara Malaysia
 - Lahir di Negeri Selangor mulai 1 Januari 2008
 - Belum mencapai usia 3 tahun

- Ibu dan bapa bukan kelahiran Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor minimum 5 tahun.
- Cop pengesahan taraf mastautin. Cop boleh diambil daripada: Ahli Parlimen Selangor, Pusat Khidmat DUN Selangor, Ahli Majlis Pihak Berkuasa. Tempatan di kawasan tempat tinggal - Penghulu, Ketua Kampung, Pengerusi Taman Perumahan, Ketua Blok, Ketua Komuniti dan Nazir Masjid.

- Syarat 3**
- Warganegara Malaysia
 - Lahir di luar Negeri Selangor (Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur- daerah bersebelahan sahaja).
 - Alamat tempat tinggal di Negeri Selangor adalah dalam daerah yang bersempadan dengan Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
 - Negeri kelahiran anak mesti sama dengan negeri kelahiran ibu atau bapa* mulai 1 Januari 2008.
 - Belum mencapai usia 3 tahun.

Pendaftaran PERCUMA dibuat secara *online* di laman website:

<https://www.tawas.org.my>

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) Kompleks Belia & Kebudayaan Negeri Selangor, Aras 5, Lot 4, Jalan Plantinum 7/52, Seksyen 7, Persiaran Kayangan, 40000 Shah Alam, Selangor. Tel: 03-5481 8800

Kaunter Luar TAWAS : JPN Shah Alam / JPN Klang / JPN Pelabuhan Klang / JPN Gombak / JPN Rawang / JPN Kuala Selangor / JPN Kajang dan Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN Selangor.

www.ipr.selangor.gov.my

Akses internet mudah

Wifi Smart Selangor capai 20.7 juta penggunaan

OLEH ERMIZI MUHAMAD

Pemeriksaan inisiatif Wifi Smart Selangor yang diperkenalkan Kerajaan Negeri adalah komponen penting dalam pembangunan *Smart Digital Eco-System*, negara ini.

Usaha itu, sekali gus meletakkan Selangor sebagai sebuah negeri berteknologi dan berdaya saing seiring hasrat Kerajaan Negeri untuk mengaplikasikan pembangunan *Smart State* menerusi pemberdayaan *Internet Of Things*.

Inisiatif berterusan itu dilaksanakan secara komprehensif meliputi keperluan kemudahan Wifi Smart Selangor yang turut dinikmati masyarakat bukan sekadar di bandar, namun turut dirasai masyarakat pinggir bandar.

Permulaannya, perkhidmatan wifi percuma mula dilaksanakan sebagai keperluan *digital lifestyle* untuk memastikan rakyat di negeri itu menerima informasi tepat dan bebas.

Keperluan itu disifatkan bersesuaian dengan Enakmen Kebebasan Informasi yang pernah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 2013.

Hasil keberkesanan itu menyaksikan jumlah penembusan internet yang dulunya hanya mencatatkan pertumbuhan sekitar 23.4 peratus kini mengalami pertumbuhan mendadak, pada kadar maksima.

**Capai 4,000
kawasan hotspot**

Ia menyaksikan hampir 4,000 kawasan hotspot wifi percuma boleh diakses di seluruh Selangor tanpa mengira jurang perbezaan bandar dan pinggir bandar dengan jumlah pengguna berdaftar seramai 916,829 pengguna.

Hasilnya, sebanyak 20.7 juta pengguna dicatatkan sejak pelancaran WiFi SS pada September lalu berdasarkan rekod dikeluarkan Permerbadanan Menteri Besar (MBI).

Lebih membanggakan, hasil dapatan didedahkan MBI mendapati seramai 83 peratus pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan itu berdasarkan kepada kajian dijalankan pada 19 Septembari lalu ke atas 10,000



pengguna. Pada masa sama, akses tahap liputan Wifi Smart Selangor di kawasan bandar kini sudah mencapai perolehan melebihi 70 peratus, bagi tempoh sehingga penghujung tahun lalu.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sasarannya tertumpu kepada keperluan penggunaan teknologi di kawasan bandar, namun tidak dilupakan sama sekali, di kawasan luar bandar.

"Kerajaan Negeri akan terus menerokai bidang kerjasama pelbagai peringkat bersama gergasi teknologi maklumat global menerusi penggunaan teknologi terkini bagi menghasilkan dasar yang lebih tepat dan berkesan

kepada masyarakat bandar dan di luar bandar," katanya.

**Peruntukan RM21.6 juta
kukuh perancangan IOT**

Lanjutan pelaksanaan itu dibuktikan menerusi peruntukan jangka panjang yang diumumkan Dato' Menteri Besar pada pembentangan belanjawan lalu menyaksikan RM21.6 juta disediakan bagi mengukuhkan agenda itu.

Ia meliputi projek pembangunan bagi kemudahan Infrastruktur Digital, *Public Citizen Partnership* (PCP) Pembangunan *Epicentre* dan *Accelerator* serta Pembangunan *Silbus Internet Of Things* yang menjurus kepada

Sasarannya tertumpu kepada keperluan penggunaan teknologi di kawasan bandar, namun tidak dilupakan sama sekali, di kawasan luar bandar.

DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Besar Selangor.

perkhidmatan wifi.

"Dengan meningkatnya mobiliti dan *connectivity*, Selangor akan menerajui pelan transformasi digital untuk membina negeri pintas, pantas dan *more connected* bersama rakyat, seluruh negeri," kata Mohamed Azmin.

Sementara itu dilaporkan, capaian perkhidmatan jaringan Wifi Smart Selangor kini sudah mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang diletakkan Kerajaan Negeri.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, perkembangan positif itu memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri meningkatkan akses teknologi kepada seluruh rakyat.

"Tumpuan pemasangan wifi percuma ini dibuat meneru-

si keperluan dan permintaan khususnya di kawasan bandar yang memerlukan penerokaan teknologi kepada pelabur serta komuniti setempat," katanya.

Sasar jaringan percuma luar bandar

Justeru, bagi memastikan perkembangan jalur lebar itu mampu memenuhi keperluan pengguna, maka MBI komited menambahbaik liputan di tiga kawasan paling rendah akses perkhidmatan itu.

Kawasan terbabit termasuk di Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Kuala Selangor.

Seterusnya, sasaran lain termasuk pemasangan kemudahan wifi Percuma di 100 Bas Smart Selangor serta meneroka penyelesaian alternatif di kawasan luar bandar bagi menampung kemampuhan keperluan wifi, di seluruh Selangor.

Hasilnya, kemudahan Wifi Smart Selangor adalah inisiatif jangka panjang yang berjaya merapatkan jurang digital kepada masyarakat untuk lebih bermaklumat.

Keberkesannya akan terus meletakkan Selangor sebagai sebuah negeri berteknologi dan maju seiring keperluan *Internet of Things* kini.



OLEH KHAIRIL IDHAM ISMAIL

Saya bukan nak bercerita tentang minyak. Dahulu, saya pernah mengirimkannya sebuah cerpen kepada editor sebuah majalah. Lama saya menunggu tetapi tidak mendengar sebarang khabar berita sehinggalah saya meyakini dengan perasaan yang was-was bahawa cerpen itu tidak mendapat hati editor. Seperti tidak berjayanya seorang pria menyunting bunga di taman hati seorang gadis.

Begitulah saya menyakini bukan jodoh saya dan editor tersebut untuk bertautnya kami melalui cerpen yang dikirimkan lewat e-mel. Saya reda. Sementara cerpen itu adalah cerpen terawal yang saya tulis, saya maklum tentu sahaja banyak kelemahan atau barangkali dinilai klise dan tiada nilai penerbitan.

Saya bukan nak bercerita tentang minyak. Namun pada suatu hari, saat langit menjadi jingga dan bulan berdiri tanpa kaki berubah warna biru, kantung mel elektronik saya dimasuki epistel daripada seseorang. Ya, itulah suatu hari yang sangat tidak diduga antara hari-hari kehidupan yang biasa, pergi-kerja, balik-kerja dan perihai lain yang tidak perlu dituliskan di sini, saya dihubungi oleh editor majalah berkenaan. Antara teruja dan cemas. Saya mengusung kursor tetikus kepada pautan e-mel dan membuka epistel tersebut. Kataanya, dia meminta saya agar membuang frasa yang bertulis 'dua puluh sen' dan mengolah semula rangkap di bahagian yang



Ahli Mesyuarat & Seekor Kucing

Malam itu, heboh langit berdarah dan serigala dibaham ayam-ayam kampung.

Pagi esoknya, pegawai mengarah anak buahnya berkumpul (namakan sahaja — kongres, perhimpunan, muktamar, kolokium; apa-apa sahaja, asalkan gagah didengar)

"Apa harus kita lakukan?" tanya seorang tua.

Lalu bangkit satu pemuda, "Kita tubuhkan jawatankuasa!"

Seisi ahli langsung melaung setuju kecuali seekor kucing peliharaan pemuda itu.

Maka bermulalah tugas jawatankuasa mengembali fitrah biar langit kembali gelap; ayam-ayam jinak semula namun malam-malam berikut, masih sama.

Kucing itu tertawa sinis dan berbisik sendiri — Apa mereka fikir gunung akan berganjak dengan hanya ditiup angin?

Sayang, dia hanyalah kucing dan bukan harimau liar.

Muhd Firdaus Ampang

dibuang tadi daripada cerpen yang saya kirimkan kepadanya.

Sungguh, saya bukan nak bercerita tentang minyak. Namun, kesediaan editor menghubungi saya dan tidak membuang cerpen begitu sahaja amatlah saya hormat. Apatah lagi itulah cubaan pertama dan terawal menulis cerpen ke ruangan majalah tersebut. Saya tidak bertanya lanjut mengapa editor meminta saya untuk membuang teras perkataan 'dua puluh sen' itu tetapi saya sendiri maklum dan jelas ketika itu bahawa isu dua puluh sen adalah amat sensitif untuk dibicarakan di mana-mana. Zahir ataupun batin, ia seperti melakukan dosa yang amat besar walaupun dalam wacana ataupun diskusi ilmiah. Tabu. Sebagaimana ia dilihat sebagai najis jenis mughallazah begitulah ungkapan dua puluh sen itu tidak boleh dilihat, dibaca apatah lagi diperkatakan di mana-mana.

Saya bukan nak bercerita tentang minyak. Entah berapa kali telah saya tegaskan bahawa saya bukan nak bercerita tentang minyak. Sungguh, gerak hati yang kecil tetapi sangat signifikan daripada editor ini membuatkan saya sangat hormat kepadanya. Saya amat tersentuh. Hati saya pula jika diibaratkan seorang gadis; kini telah disunting bunganya dengan perilaku editor. Barangkali, dia boleh sahaja tidak menghiraukan saya. Apatah lagi, saya bukanlah siapa-siapa melainkan penulis yang baru ingin mula menulis. Dia boleh sahaja juga tidak menerbitkan cerpen saya atau tidak menghubungi saya semula tetapi sikapnya itu buat saya benar-benar terharu dan ber-setuju untuk membuang perkataan 'dua puluh sen' itu. Tambahan lagi, dia tidak mengubah langsung jalan cerita cerpen tersebut atau menukar kata ganti diri saya kepada aku, aku kepada saya sesuka

hatinya dan mengubah keseluruhan penyampaian cerita yang ingin saya sampaikan.

Bermula jam 0001 tengah malam nanti, minyak Research Octane Number (RON) akan naik sebanyak dua puluh sen (lagi). Sungguh, ketika saya menuliskan perihai ini, saya bukan nak bercerita tentang minyak. Bahkan telah berkali-kali saya tegaskan bukan tentang minyak yang ingin saya ceritakan. Sedangkan sudah terlalu ramai yang bercerita tentangnya. Ramai yang membentangkan aspek kalkulatif, harga satu tong minyak, pasaran harga minyak dunia, saham yang pelbagai malahan termasuklah bagaimana struktur minyak kenderaan digunakan secara biokimia dan kejuruteraan serta perbandingan harga minyak dengan pelbagai negara di dunia secara relatif dan tidak-relatif. Apatah lagi, jika diceritakan perihai minyak ini, ia akan menjadi terlalu sensitif buat ramai orang yang barangkali jika diceritakan di sini juga, mesti ramai juga yang mahu saya membuangnya dan mendatangkan pelbagai teori tentang kewajaran harga minyak yang ditetapkan.

Kesekian kalinya, saya menegaskan bahawa saya bukan nak bercerita tentang minyak. Apa yang sebenarnya nak saya ceritakan ialah keluhuran peribadi seorang editor yang kerananya jugalah cerpen tersebut telah memenangi anugerah sastera suatu ketika dahulu. Tidak pernah terduga oleh saya, betapa cerpen terawal dan sederhana saya itu turut telah memenangi hati juri penganugerahan. Jika tidak cerpen itu diterbitkan, masakan ia dapat terdahulu diadiloleh juri dan akhirnya dinobatkan sebagai pemenang. Maka, saya bertambah hormat kepada dirinya apabila berjaya mengutip permata antara kaca atau ba-

barangkali membuang kaca untuk mengutip permata.

Bercakap tentang minyak walaupun bukan minyak yang saya ingin ceritakan, kata orang dahulu, bagai pelita kehabisan minyak begitulah saya dahulu hampir berputus-asa apabila menyangkakan bahawa cerpen saya telah pun dibakar bersama longgokan sampah semua kiriman cerpen kepada editor tersebut. Masakan tidak, apabila lama tidak saya mendengar sebarang khabar berita. Bahkan pada saat itu, saya sudah berfikir-fikir untuk mengirimkan surat penarikan balik kiriman karya sehinggalah sebaliknya saya dihubungi. Sebaliknya, gerak hati editor yang menghubungi saya, berbincang dan mengutarakan saranan dalam editorial yang diselenggarakannya telah menjadi minyak pula yang membara semangat saya untuk terus menuliskan cerita walaupun hanya untuk bacaan saya sendiri sahaja.

Ya. Setiap penulisan itu ada khalayak pembacanya. Bila serta bagaimana ia menemui pembacanya bukanlah urusan kita.

Sungguh, dengan kesungguhan yang sungguh-sungguh, saya bukan nak bercerita tentang minyak tetapi ingin mengucapkan terima kasih kepada editor tersebut yang telah menghubungi saya, meminta saya membuang perkataan yang boleh menjadi minyak kepada marak api berbeza (mengikuti kecenderungan masing-masing) dan akhirnya menyiarkan cerpen kecil saya sementara saya hanyalah orang yang baru belajar bagaimana menyusun ayat menjadi cerita. Cerita adalah wahana kepada wacana. Wacana adalah pemikiran yang membentuk masyarakat ke arah yang sentiasa berfikir melalui setiap cerita kecil yang luhur dan bijaksana.

Sungguh, tuan. Saya bukan nak bercerita tentang minyak!

OLEH SHEEDA FATHIL

'Heart of Malaysia'

Menariknya Selangor!

Kepada mereka yang masih mencari destinasi untuk bercuti bersama keluarga, saya mencadangkan anda berkunjung ke Selangor yang memiliki pelbagai lokasi menarik selain kaya dengan flora dan fauna.

Negeri ini turut menjadi nadi utama negara memandangkan tempat masuk utama ke Malaysia adalah melalui Selangor iaitu Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA). Maka, tidak hairanlah Tourism Selangor menjenamakan *Discover Selangor, Heart of Malaysia*.

Baru-baru ini, Tourism Selangor dengan kerjasama Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA) mengadakan lawatan Familiarisation (FAM) Tour di tiga daerah iaitu Petaling, Kuala Selangor dan Sekinchan, bermula 17 hingga 18 Januari lalu.

Kubah 'Masjid Biru' terbesar di dunia

Seawal jam 7 pagi, saya bersama yang lain diminta untuk berkumpul di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah iaitu lokasi pertama dilawati sebelum memulakan perjalanan ke destinasi seterusnya.

Digelar sebagai 'Masjid Biru' dalam kalangan pelancong, ia adalah masjid terunggul di Malaysia dan kedua terbesar di Asia Tenggara yang dibina atas kawasan seluas 14.6 hektar, di pusat bandar Shah Alam.

Menariknya, masjid berkenaan mempunyai kubah terbesar di dunia dengan ciri seni bina menggunakan aluminium disaluti emas serta dihiasi khat al-Quran berwarna biru berlatar belakang panel kelabu yang tidak memerlukan penyelenggaraan, selama 200 tahun.

Dikelilingi empat menara tinggi yang dibina di setiap penjuru kubah dengan ketinggian 140 meter dari aras tanah, pelancong yang hadir boleh naik dan melihat sendiri fungsi menara itu, di samping menjamu mata pemandangan sekitar Shah Alam.

Masjid tiga tingkat itu berupaya memuatkan 24,000 jemaah dalam satu masa dan dilengkapi pejabat, bilik persidangan, bilik menyambut tetamu, bilik kuliah, dewan solat utama dan galeri.

Dengan gabungan seni bina tradisi Islam dan Asia Barat, masjid berkenaan disempurnakan Duli



Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, pada 11 Mac 1988.

Homestay Sungai Sireh

Selesai sahaja lawatan di 'Masjid Biru', kami dibawa menaiki bas untuk ke destinasi seterusnya iaitu Homestay Sungai Sireh yang terletak, di Tanjong Karang.

Sejurus tiba di lokasi, kami di-sambut alunan bunyi paluan kompang yang memecah kesunyian, sekaligus membuatkan tetamu berasa dihargai.

Homestay Sungai Sireh mula beroperasi pada 5 April 1995 menggunakan konsep keluarga angkat iaitu pelancong atau penduduk tempatan yang hadir boleh menginap di rumah penduduk di situ dan

mencuba pelbagai aktiviti menarik mengikut pakej disediakan.

Hampir setiap minggu homestay berkenaan menerima kunjungan tetamu sama ada dari luar negara atau tempatan.

Saya turut berkesempatan me-

lakukan pelbagai aktiviti antaranya menanam padi, memancing ikan, mewarna batik canting serta mengelilingi sawah padi menaiki trem.

Terpesona cahaya semula jadi kelip-kelip

Senja mula menjelma menandakan kegelapan malam bakal menyelimuti permukaan bumi sambil ditemani cahaya keindahan bulan dan bintang.

Saya dibawa merasai sendiri keindahan cahaya semula jadi serangga kelip-kelip dengan menyelusuri sungai Kampung Kuantan.

Cetusan cahaya itu antara nikmat alam semula jadi di kawasan yang terletak sejauh 60 kilometer

dari kepesatan bandar raya Kuala Lumpur.

Menariknya, serangga unik ini adalah antara koloni kumbang daripada spesies Lampyridae terbesar, di dunia.

Tenaga Nasional Berhad turut komited mengangkat Kampung Kuantan sebagai salah satu tarikan pelancong di bawah program tanggungjawab sosial korporat dengan menandatangani perjanjian persefahaman dengan Kerajaan Negeri, pada 2006.

Sky Mirror persis Salar De Uyuni

Sky Mirror yang juga digelar Salar De Uyuni Malaysia adalah tarikan terbaru di Kuala Selangor, malahan amat sesuai buat pencinta alam semula jadi juga peminat fotografi.

Setiap gambar dirakam ibarat cermin besar yang dihamparkan secara semula jadi dengan langit dilihat atas cerminan air menghasilkan suasana menakjubkan.

Fenomena seperti itu tidak kerap berlaku, namun ia hanya akan terjadi enam hari setiap bulan mengikut kalendar lunar masyarakat Cina iaitu pada hari pertama, kedua, 12, 15, 16 dan 30.

Manakala, waktu berlaku air surut pula antara jam 10.30 pagi hingga 11 pagi. Pengunjung perlu bijak merancang perjalanan untuk mendapatkan keunikan 'pulau misteri' itu.

Sekinchan mendamaikan

Digelar Jela-pang Padi Selangor, Sekinchan bukan hanya terkenal dengan sawah padi tetapi kaya dengan pelbagai hasil bumi antaranya buah-buahan dan lokasi penting untuk hasil laut.

Saya dibawa ke Muzium Padi atau Pusat Maklumat

Pertanian Padi di Jalan Tali Air 5, Ban 2, Sekinchan, untuk melihat aktiviti memproses padi menjadi beras. Tidak lengkap perjalanan jika tidak berkunjung ke Ah Ma House bersebelahan Muzium Padi yang mengimbau zaman kanak-kanak dengan pelbagai makanan serta permainan penuh nostalgia.

Ah Ma perkataan Hokkien yang bermaksud nenek. Perniagaan utamanya menjual biskut tradisional seperti tart nenas dan kuih bangkit hasil resepi turun-temurun.

Ia turut menjual pelbagai barangan antik antaranya teko lama dan mangkuk tingka.

Sebenarnya, masih banyak lokasi menarik boleh anda kunjungi di Selangor. Yang penting, harus bijak merancang perjalanan.





OLEH NORHAYATI UMOR

Realisasi persekitaran hidup berkualiti sekitar Petaling Jaya

RM4.56 juta bina dewan komuniti

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperuntukkan sejumlah RM4.56 juta bagi membina dewan komuniti dua tingkat, di Bandar Utama 11 (BU 11), di sini.

Datuk Bandarnya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain berkata, pembinaan dewan berkeluasan 1,565.97 kaki persegi itu dijangka siap, pada Februari 2019.

Katanya, inisiatif itu adalah usaha merealisasikan persekitaran hidup yang berkualiti, di sekitar Petaling Jaya.

"Cadangan pembinaan ini juga adalah salah satu tanggungjawab sosial MBPJ bagi memenuhi keperluan dan permintaan daripada komuniti setempat di kawasan BU 11 yang merangkumi ribuan penduduk di kawasan sekitar seperti Kampung Ara serta Kampung Cempaka.

"Dengan pembinaan ini, diharapkan dapat memberi manfaat kepada penduduk sekitar untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan, keraian, sukan dan aktiviti warga emas," katanya pada Majlis Pecah Tanah Dewan

Komuniti itu, baru-baru ini.

Pada masa sama, Mohd Azizi berkata, MBPJ menerapkan seni bina ke arah persekitaran global dengan memfokuskan empat elemen antaranya membran, interaktif *public realm*, visibiliti dan komponen simbiotik.

Katanya, pembinaan dewan itu bakal menjadi projek yang mampu melestarikan alam sekitar, kecekapan penjimatan tenaga dan memenuhi gaya hidup urban sihat.

"Untuk memenuhi matlamat ke arah pembangunan hijau, maka penggunaan sistem penggunaan air hujan (SPAH) itu akan membantu meminimumkan penggunaan air dengan memperbaharui penggunaan air hujan," katanya.



Kerja pembinaan dewan komuniti dua tingkat di Bandar Utama 11 sedang giat dijalankan bagi memenuhi keperluan dan permintaan daripada komuniti setempat



Hafiz (tengah) ketika melancarkan aplikasi mobile e-aduan dan portal Idea Bajet 2019 bagi memudahkan saluran maklumat oleh orang ramai, baru-baru ini

Aplikasi *mobile* e-aduan akses salur maklumat

CYBERJAYA - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) melancarkan aplikasi *mobile* e-aduan dan portal Idea Bajet 2019 bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat, di sini, pada 26 Februari lalu.

Timbalan Yang Dipertuanya, Muhammad Hafiz Shaari berkata, aplikasi *mobile* e-aduan itu bermula pada awal bulan Jun 2017, manakala portal Idea Bajet 2019 bakal dibuka kepada orang ramai, bermula 1 hingga 15 Mac ini.

"Aplikasi *mobile* e-aduan ini adalah salah satu saluran baru yang berinovasi tinggi susulan kewujudan Sistem Pengurusan Aduan Elektronik (e-Aduan) pada 2005 bagi menangani aduan dike-

mukakan orang awam.

"Antara keistimewaan aplikasi ini adalah paparan mesra pengguna, pengesan lokasi GPS aduan, semak senarai aduan dan lancar aduan baru termasuk memuat naik gambar diperlukan," katanya selepas melancarkan aplikasi dan portal berkenaan.

Muhammad Hafiz berkata, orang ramai yang mempunyai akaun berdaftar boleh terus menggunakan aplikasi itu tanpa perlu mendaftar akaun baru selain boleh didapati secara percuma di Google Play Store atau Apple Appstore.

Sementara itu, beliau berkata, pelaksanaan portal Idea Bajet

2019 diperkenalkan bagi menjana idea dalam memperkasakan struktur ekonomi, di Sepang.

"Ia juga selaras hasrat Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, yang mahu penyertaan rakyat dalam memberi pandangan bagi penyediaan Bajet 2019.

"Melalui pengenalan portal ini, ia dapat memberi kelebihan kepada masyarakat setempat mengemukakan idea untuk penambahbaikan pengurusan bajet, pada masa akan datang.

"Justeru itu, saya menyeru semua pihak supaya menyebarkan perkara berkenaan kepada seluruh warga Sepang dan orang ramai," katanya.

MPAJ keluar 494 kompaun lesen perniagaan

SHAH ALAM - Sebanyak 494 kompaun di keluarkan Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ke atas pemegang lesen yang gagal memperbaharui, sebelum 31 Disember tahun lalu.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, tindakan operasi dan penguatkuasaan ke atas pemegang lesen itu bermula, sejak 2 Januari lalu.

"Sebanyak 494 kompaun dikeluarkan dengan nilai RM100,600.

"Sebelum ini, Jabatan Pelesenan sudah memberikan syarat supaya lesen perlu diperbaharui tiga bulan sebelum tamat tempoh," katanya dalam mesyuarat MPAJ, baru-baru ini.

Terdahulu, Abd Hamid berkata, pemilik premis boleh dikenakan kompaun kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras peruntukan Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2008 (UUK) (3) jika melakukan pembaharuan selepas tamat tempoh.

Katanya, kadar kompaun adalah RM2,000 bagi tempoh Januari sehingga Mac dan RM700, bermula April ini.

Sehubungan itu, pemilik perniagaan diingatkan untuk memperbaharui lesen perniagaan dengan kadar segera bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan lanjut dikenakan.

Akademi Bola Sepak Merah Kuning cungkil bakat baru

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) akan menganjurkan Akademi Bola Sepak Merah Kuning bagi membuka peluang kepada remaja mencungkil bakat dan minat mereka.

Pendaftaran dibuat di Stadium Jugra, Teluk Datok, pada 24 dan 25 Februari lalu itu terbuka kepada semua peserta berusia tujuh hingga 17 tahun.

"Ia diwujudkan bagi mencari bakat muda baru untuk di-

ketengahkan ke peringkat lebih tinggi, di samping memberi pendedahan program latihan dan pembangunan jangka masa panjang.

"Selain itu, pelbagai program menarik turut disediakan sepanjang tahun," katanya.

MDKL berkata, peserta hanya dikenakan yuran pendaftaran RM100 serta satu set jersi dengan kadar bayaran RM20 setiap bulan.

Mudah urusan pemohon

MPKj lancar E-Lesen

OLEH SYAZWANI SUFIAN

KAJANG - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menyediakan perkhidmatan Sistem Perlesenan Atas Talian (E-Lesen) bagi memudahkan penduduk di bawah seliaannya membuat permohonan dan pembaharuan lesen.

Yang Dipertuanya, Mohd Sayuthi Bakar berkata, sistem berasaskan laman sesawang itu membantu pengguna awam, jabatan perlesenan, penjaja dan jabatan teknikal mendapatkan maklumat lesen perniagaan.

Katanya, inisiatif berteknologi itu juga membantu urusan pentadbiran pemprosesan dokumen lebih efisien selari dengan agensi kerajaan dan swasta.

"Sistem ini membabitkan permohonan dan pembaharuan bagi dua kategori lesen iaitu Lesen Tidak Berisiko dan Lesen Anjing.

"Terdapat 52 Lesen Tidak Berisiko antaranya kedai pakaian, cermin mata, kasut dan

alat permainan kanak-kanak membabitkan kelulusan teknikal daripada Jabatan Perlesenan MPKj sahaja.

"Manakala lesen berisiko adalah tidak sensitif seperti memerlukan sokongan dan ulasan jabatan kerajaan serta permohonan diterima lengkap juga tidak boleh membuat sebarang ubah suai,"katanya.

Mohd Sayuthi berkata bagi lesen anjing, pemilik perlu mendapat suntikan dan sijil kesihatan sah dari pegawai atau doktor veterinar.

"Selain itu, orang ramai kini boleh mencetak sendiri lesen yang dimohon atau diperbaharui dari rumah sahaja tanpa perlu ke MPKj.

"Bagaimanapun, permohonan lesen tidak berisiko masih di peringkat percubaan kerana terdapat beberapa perkara yang perlu penambahbaikan dan ia berfungsi sepenuhnya, pada 27 Mac ini,"katanya.



Mohd Sayuthi ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran E-Lesen Perniagaan dan Anjing, di Ibu Pejabat MPKj, di sini, pada 6 Mac lalu

Pesara MBPJ terima pakej haji dan melancong

PELABUHAN KLANG - Seramai 33 pesara bertuah menerima pemberian hadiah menunaikan fardhu haji atau umrah dan melancong tajaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

MBPJ dalam kenyataannya berkata, pemberian itu diberi kepada bakal pesara yang akan bersara mulai Januari lalu hingga Disember 2019 dalam majlis penyampaian Anugerah Haji/Umrah dan Melancong kepada pesara MBPJ, pada 27 Februari lalu.

"Setiap pesara menerima RM6,500

seorang untuk menunaikan haji atau umrah bagi yang beragama Islam.

"Manakala, bagi pesara bukan beragama Islam juga diberi tajaan berjumlah RM6,500 untuk melancong," katanya.

Anugerah disampaikan Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain; Timbalan Setiausaha MBPJ/Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, Sharipah Marhaini Syed Ali dan Timbalan Pengarah Sumber Manusia, Mohamad Rosnani Hamid.



Mohd Azizi (kiri) menyampaikan Anugerah Haji/Umrah dan Melancong kepada pesara MBPJ bagi menghargai jasa mereka, pada 27 Februari lalu

IPR HOLDING

ERRY PUTRA FARALYNA NOR ALBANIAH ARIZ LUFIAS

SETIAP KHAMIS 3.00 PETANG

selangortv.my 



Sedia kemudahan perkhidmatan diagnosis makmal

Tengku Norashikin lawat klinik veterinar UPM



Tengku Norashikin mencemar duli berangkat ke Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia untuk melawat Klinik Veterinar yang menyediakan perkhidmatan untuk orang awam dan entiti

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, berkenan berangkat ke Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melawat klinik veterinar yang menyediakan perkhidmatan untuk orang awam dan entiti.

Klinik terbabit menempatkan Unit Perkhidmatan Makmal Ve-

terinar (VLSU) yang menyediakan kemudahan perkhidmatan diagnosis makmal.

Baginda bertitah, klinik veterinar di Fakulti Perubatan Veterinar UPM itu boleh menjadi penanda aras kepada klinik veterinar lain daripada aspek perkhidmatan inklusif yang ditawarkan kepada setiap haiwan peliharaan untuk rawatan.

"Usaha dilakukan fakulti ini mampu memberi kesedaran kepada pemilik haiwan peliharaan

untuk menjaga kebajikan haiwan masing-masing dan mendapatkan rawatan serta konsultasi terbaik," titah baginda.

Baginda turut tertarik dengan setiap perkhidmatan perubatan disediakan termasuk kelengkapan dan peralatan perubatan yang canggih serta moden bagi merawat haiwan peliharaan juga ternakan.

"Beta terharu dan bangga melihat sendiri keprihatinan dan tahap

keseriusan kakitangan termasuk pelajar UPM dalam bidang veterinar yang pakar serta mahir dalam mengendalikan haiwan, di sini," titah baginda.

Baginda berharap, klinik terbabit digunakan sebaiknya bagi tujuan membendung dan mengawal populasi kucing serta anjing terbiar daripada terus membiak tanpa jagaan sewajarnya.

Pada masa sama, baginda mahu klinik itu aktif dalam menjalankan

rawatan pemandulan (neuter).

"Beta juga ingin menyeru buat kesekian kalinya kepada penggemar haiwan peliharaan untuk menjadi keluarga angkat kepada haiwan terbiar," titah baginda.

Keberangkatan baginda disambut Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris; Ahli Lembaga Pengarah UPM, Puan Sri Datuk Seri Rohani Abdullah dan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof Dr Mohd Hair Bejo.

Dita Creative buah tangan terbaru INPENS

SHAH ALAM - Kolej Antarabangsa Inpens (INPENS) terus mengorak langkah menerusi pembukaan butik menjahit dalam kampusnya iaitu Dita Creative.

Institusi itu di laman sewangnya berkata, butik berkenaan dikelolakan di bawah kursus sektor tekstil dan pakaian INPENS.

Katanya, ia bertujuan mendedahkan pelajar berkenaan rekaan fesyen pembuatan pakaian wanita terkini.

"Pelajar juga akan mengadakan pertunjukan fesyen sebagai salah satu cara menonjolkan bakat masing-masing, di samping diperkenalkan dengan teknik memotong, menjahit dan menguasai mesin jahit terkini supaya mereka didedahkan kepada senario industri fesyen negara

ini," katanya.

Perkataan dita yang berasal daripada bahasa Itali bererti jari jemari, sekali gus membawa maksud 'Jari Jemari Kreatif' kepada butik berkenaan.

Butik terbabit mula beroperasi pada awal Februari lalu dan turut mengambil pelbagai tempahan pakaian wanita, lelaki juga kanak-kanak.

Selain itu, tempahan baju bagi sambutan Aidilfitri tahun ini juga mula dibuka kepada umum.

Orang ramai yang berminat untuk menghantar tempahan baju atau mengajukan sebarang pertanyaan boleh berbuat demikian dengan menghubungi Zalina Rahmat, di talian 013-3960104 atau Che Muhamad 019-3646758.



Delegasi UNISEL gembira selepas dinobatkan anugerah National STEM Award 2018 menerusi projek UNISEL Fun with STEM yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra

UNISEL raih National STEM Award 2018

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) memenangi anugerah National STEM Award 2018 menerusi projek UNISEL Fun with STEM yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi Korporatnya, Hasril Abu Hassan berkata, UNISEL berjaya merangkul anugerah istimewa melalui projek terbabit hasil kerjasama antara Institut Bio-IT, Jabatan Sains dan Bioteknologi.

Katanya, projek itu dilaksanakan di bawah Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat serta Pusat Asasi dan Pengajian Umum yang diketuai Dr Hazeeq Hazwan Azman.

"Kemenangan ini adalah satu permulaan yang baik buat pelajar dan pensyarah untuk mencipta lebih banyak kejayaan, pada masa hadapan.

"Tahniah dan syabas diucapkan kepada Dr Hazeeq Hazwan

serta pasukan atas kejayaan merangkul anugerah terbabit," katanya dalam kenyataan.

Difahamkan, program anjuran Malaysia Technology Expo itu adalah acara tahunan yang berlangsung kali ke-17 bagi mencungkil bakat baru melalui Inovasi Sains dan Teknologi oleh universiti, institut penyelidikan, sekolah teknik juga kolej vokasional, sekolah menengah serta organisasi swasta.



Informasi Terkini di jari anda



MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk guru dan pegawai masjid Selangor

Sultan Sharafuddin terima RM49.3 juta

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan berangkat menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Selangor berjumlah RM49.36 juta.

Peruntukan disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Datuk Seri Jamil Khir Baharom, itu diadakan di Istana Kayangan, di sini, pada 27 Februari lalu.

Jumlah itu membabitkan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi bayaran imbuhan imam, elaun guru KAFA dan guru takmir Selangor 2018 sebanyak RM41,508,084 dan bayaran khas *one-off* imam, bilal, siak, guru takmir dan guru KAFA Selangor 2018 sebanyak RM7,854,000.

Bayaran itu selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam pembentangan Bajet 2018 berhubung bayaran khas *one-off* sebanyak RM1,500 kepada imam, bilal, siak/noja/merbot, guru KAFA dan guru takmir.

Bayaran dibuat dua kali iaitu RM1,000 pada awal 2018 dan RM500, menjelang Aidilfitri 1439 hijrah.

Majlis turut dihadiri Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi; Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyas Abd Wahid dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Dato' Haris Kasim.



Sultan Sharafuddin menerima peruntukan RM49.3 juta yang diserahkan Jamil Khir, di Istana Kayangan, Shah Alam

JAIS laksana Pelan Tindakan Menangani Gejala Khalwat

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melaksanakan Pelan Tindakan Menangani Gejala Khalwat Negeri Selangor 2018-2023 dalam usaha mencegah gejala khalwat yang semakin membimbangkan.

Pengarah JAIS, Dato' Haris Kasim berkata, pelan itu adalah inisiatif JAIS menangani khalwat yang menjadi punca perbuatan zina dan peningkatan kehamilan luar nikah yang tidak sah taraf.

"Pelan tindakan terhasil melalui Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan dengan mengadakan beberapa siri bengkel bagi membincangkan isu dan masalah khalwat seterusnya mencari solusi bagi menanganinya.

"Setiap ahli panel akan menjelaskan secara terperinci berkaitan gejala khalwat, cadangan mengatasi, kumpulan yang ingin disasarkan, impak pelaksanaan serta peranan pihak lain bagi pelaksanaan pelan itu.

"Pelan yang dirangka terbahagi kepada empat komponen utama antaranya pra sekolah, pengajian tinggi, agensi swasta dan kerajaan serta individu juga institusi keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Menangani Gejala Khalwat Negeri Selangor 2018-2023



Haris (dua dari kiri) pada Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Menangani Gejala Khalwat Negeri Selangor 2018-2023 di Bangunan Sultan Idris Shah

di Bangunan Sultan Idris Shah, pada 28 Februari lalu.

Katanya, kerjasama orang awam, agensi kerajaan juga swasta amat penting untuk memastikan gejala terbabit berkurangan.

Pada masa sama, beliau turut memuji langkah Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan mensyaratkan permohonan membuka hotel bajet perlu

mendapat kelulusan agensi kerajaan termasuk JAIS.

"Diharap, pelan ini akan menjadi panduan dan rujukan seluruh jabatan juga agensi kerajaan serta swasta dalam melaksanakan program. Pada masa sama, tindakan penguatkuasaan yang lebih proaktif akan berjalan seperti biasa dari semasa ke semasa," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
7 - 13 MAC 2018							
19 - 25 JAMADILAKHIR 1439H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Rabu	5:57	6:07	7:21	1:27	4:40	7:28	8:37
08 Khamis	5:57	6:07	7:20	1:27	4:39	7:28	8:37
09 Jumaat	5:56	6:06	7:20	1:27	4:38	7:28	8:37
10 Sabtu	5:56	6:06	7:20	1:26	4:38	7:28	8:37
11 Ahad	5:56	6:06	7:19	1:26	4:37	7:27	8:36
12 Isnin	5:55	6:05	7:19	1:26	4:36	7:27	8:36
13 Selasa	5:55	6:05	7:19	1:26	4:35	7:27	8:36
Sabak Bernam, Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Rabu	5:59	6:09	7:22	1:29	4:42	7:30	8:39
08 Khamis	5:59	6:09	7:22	1:29	4:41	7:30	8:39
09 Jumaat	5:59	6:09	7:22	1:29	4:41	7:30	8:39
10 Sabtu	5:58	6:08	7:21	1:29	4:40	7:30	8:39
11 Ahad	5:58	6:08	7:21	1:28	4:39	7:30	8:39
12 Isnin	5:58	6:08	7:21	1:28	4:39	7:30	8:38
13 Selasa	5:57	6:07	7:20	1:28	4:38	7:29	8:38
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Rabu	5:57	6:07	7:22	1:28	4:39	7:29	8:38
08 Khamis	5:57	6:07	7:21	1:27	4:39	7:29	8:38
09 Jumaat	5:57	6:07	7:21	1:27	4:38	7:28	8:37
10 Sabtu	5:56	6:06	7:21	1:27	4:37	7:28	8:37
11 Ahad	5:56	6:06	7:20	1:27	4:36	7:28	8:37
12 Isnin	5:56	6:06	7:20	1:26	4:36	7:28	8:37
13 Selasa	5:55	6:05	7:20	1:26	4:35	7:28	8:37



Skim Rawatan Jantung

Bukti keprihatinan Selangor



Mohamed Azmin meluahkan masa melawat penerima Skim Rawatan Jantung Selangor di Institut Jantung Negara, pada 26 Februari lalu

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Skim Rawatan Jantung Selangor yang dilancarkan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, pada 26 Februari lalu membuktikan Kerajaan Negeri prihatin terhadap kesihatan rakyat.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, Selangor terus berkeyakinan melangkah setapak ke hadapan dalam memastikan aspek kesihatan rakyat menjadi keutamaan.

"Skim ini adalah sebahagian langkah proaktif Kerajaan Negeri ke arah melaksanakan Skim Penjagaan Kesihatan Bersepadu berkualiti untuk rakyat.

"Inisiatif ini dapat membantu kos rawatan hampir 500 pesakit bagi mendapatkan perkhidmatan serta rawatan jantung berkualiti yang dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri melalui kerjasama strategik bersama Institut Jantung Negara," katanya dalam kenyataan.

Dr Daroyah berkata, skim itu terbuka kepada pesakit kategori B40 iaitu anak kelahiran Selangor atau bermastautin melebihi 10 tahun, di negeri berkenaan.

Pada masa sama, beliau berkata, ahli Skim Peduli Sihat turut layak memohon dengan mendapatkan pemeriksaan dan pengesahan daripada doktor di klinik panel Peduli Sihat sebagai pesakit jantung terlebih dahulu sebelum mengisi borang yang boleh dimuat turun di www.pedulisihat.com.

"Dengan peruntukan RM10 juta menerusi Belanjawan Selangor 2018 lalu yang dikongsi bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), maka skim ini turut diperluaskan kepada golongan M40.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri sudah memulakan program Dialisis Selangor, Bantuan Sihat Selangor, Saringan Sihat Selangor, Skim Kesihatan Wanita MammoSel," katanya.

Katanya, pelaksanaan Skim Peduli Sihat pula sebagai satu skim perlindungan rawatan kesihatan asas yang kini diperhebatkan dengan suntikan vaksin *pneumokokal* dan terbaru insuran kesihatan untuk penjawat awam.

"Antara penjagaan kesihatan lain yang akan turut diberi perhatian adalah kesihatan mental dan penjagaan paliatif bagi pesakit kanser," katanya.

Puncak Niaga sertai Kasihku Zakat Selangor

SHAH ALAM - Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) menghulurkan RM1.3 juta bagi membantu asnaf, di bawah program 'Kasihku Zakat Selangor' dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Pengarah Eksekutif Pembangunan Perniagaan PNHB, Dato' Nasir Khan Illadad Khan berkata, ia digunakan bagi membina 10 rumah asnaf bernilai RM500,000 dengan tambahan RM100,000 daripada LZS.

Katanya, rumah yang dibina sekitar daerah Kuala Selangor itu dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air, dapur dan ruang tamu.

"Selain itu, RM500,000 diperuntukkan untuk bantuan perubatan dialisis 21 pesakit dalam kalangan asnaf bagi menampung kos rawatan, setahun.

"Baki RM300,000 lagi diperuntukkan bagi asnaf fisabilillah (pendidikan) yang diagihkan kepada 1,000 pelajar fakir miskin dalam bentuk wang saku RM300 setiap seorang," katanya.



Sebahagian asnaf yang menerima sumbangan daripada Puncak Niaga pada Majlis Penyerahan Bantuan Kasihku Zakat Selangor, di Wisma Rozali, baru-baru ini

Beliau berkata demikian ketika membacakan teks ucapan mewakili Pengerusi Eksekutif PNHB, Tan Sri Rozali Ismail, pada Majlis Penyerahan Bantuan Kasihku Zakat Selangor, di Wisma Rozali, baru-baru ini.

Pada masa sama, Nasir berkata, PNHB turut membayar zakat perniagaan RM10.6 juta, bagi ta-

hun kewangan berakhir 2016.

Katanya, PNHB turut memohon agihan semula 3/8 atau 37.5 peratus daripada bayaran zakat yang dikeluarkan untuk diagihkan kepada asnaf fakir, miskin dan fisabilillah.

"Daripada permohonan itu, kita menerima pengembalian

wang zakat perniagaan RM3.9 juta," katanya.

Sementara itu, Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS, Abdul Basith Hamid mengucapkan terima kasih atas kesudian PNHB menyertai program Kasihku Zakat Selangor.

"LZS menyempurnakan ama-

nah diberikan PNHB. Sukacita dimaklumkan LZS sudah melaksanakan proses lantikan kontraktor bagi bantuan rumah.

"Setakat ini, 70 peratus proses pembinaan berjaya disiapkan dengan asnaf terbabit akan menyambut Ramadan dan Syawal, di rumah baru nanti," katanya.

SHAH ALAM - Sebuah garisan jelas yang mudah difahami dan dipandu mengikut ketetapan syariah perlu diwujudkan dalam keghairahan masyarakat terbabit secara aktif dalam dakwah, perniagaan serta karier muslimah.

Naib Presiden (HELWA) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Nor Azura Kamarudin Sohami berkata, ia merangkumi dua premis utama yang harus dimaknai dengan jelas dalam falsafah hijab iaitu pertama adalah *an yu'rafna*

Penuhi tuntutan syarak, hayati falsafah hijab

supaya wanita muslimah itu dikenali dan kedua *an yu'zayna* supaya wanita muslimah tidak diganggu.

Katanya, ia ekoran isu berbangkit hari ini adalah insiden gelap yang terlihat jelas kontra apabila pudarnya maruah, identiti dan jati diri mengikut arus zaman, bahkan lebih malang kerana menurut kehendak kapitalis yang tidak mengenali erti nilai juga budaya.

"HELWA memandang serius berkenaan fenomena kehilangan adab yang berlaku secara berleluasa, hari ini. HELWA juga menyarankan muslimah di Malaysia yang memakai hijab harus memilih untuk memenuhi tuntutan syarak dan menghayati falsafah berhijab dengan penuh kesedaran.

"Kesedaran ini diangkat sebagai agenda dakwah, mengambil

pendekatan *awsatuha* (bersederhana) serta tidak ekstrem kerana ia adalah tanggungjawab kita bersama untuk memastikan perkembangan dakwah di Malaysia tidak terbantut," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, wanita muslim di Malaysia juga harus meningkatkan ilmu spiritual selain fardhu ain dan kifayah dengan HELWA menyedari pembabitan

wanita Malaysia dalam perniagaan membabitkan fesyen yang amat memberangsangkan.

Nor Azura berkata, jika mereka terus sombong dan tidak menghiraukan pandangan serta sensitiviti masyarakat muslim di Malaysia, maka inisiatif boikot adalah jalan terbaik sekiranya pihak terbabit tidak mengambil tanggungjawab sosial itu.

OLEH SYAZWANI SUFIAN

SHAH ALAM - Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dinobatkan sebagai penerima Anugerah Persatuan Sukan Dinamik pada Majlis Anugerah Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM)-100PLUS 2017 yang berlangsung, pada 1 Mac lalu.

Setiasaha Agungnya, Dato' Hamidin Mohd Amin berkata, pengiktirafan itu tepat pada masanya ketika FAM kini dalam proses transformasi menuju era baharu di bawah kepimpinan Tunku Mahkota Johor, DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim selaku presiden baharu, hampir setahun lalu.

"Kami berterima kasih dan bersyukur di atas pemilihan FAM sebagai penerima Anugerah Persatuan Sukan Dinamik.

"Sudah tentu pengiktirafan ini menyuntik semangat kami dalam memperkemas struktur pentadbiran, meningkatkan prestasi pasukan kebangsaan, pendidikan kejurulatihan serta pengan-

Majlis Anugerah Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM)-100PLUS 2017

FAM terima anugerah

juruan pertandingan bagi memastikan FAM kekal dalam kelompok persatuan sukan terbaik, di negara ini," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Presiden SAM, Ahmad Khawari Isa berkata, pemilihan FAM diputuskan berdasarkan kepada pengiktirafan pelbagai program pembangunan bakat muda yang diusahakan persatuan itu berada di landasan tepat.

"Pencapaian itu wajar diakui kerana ia peningkatan ketara selepas sekian lama bola sepak negara tidak berjaya untuk kerap beraksi, di peringkat tinggi sebegitu," katanya.

Kejayaan tiga pasukan muda negara melakar sejarah tahun lalu dengan me-

langkah ke pusingan akhir Kejohanan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) membolehkan FAM dinobatkan sebagai penerima anugerah.

Tiga skuad muda negara yang berjaya menempatkan diri dalam kelompok elit benua itu ialah Skuad Bawah 23 Tahun, Bawah 19 Tahun dan Bawah 16 Tahun.



Tanggung guna teknologi Video Bantuan Pengadil

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengesahkan penggunaan teknologi Video Bantuan Pengadil (VAR) perlu ditangguhkan sekali lagi untuk satu jangka masa dan tidak akan digunakan bagi saingan Liga Malaysia (Liga M), dalam masa terdekat ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengadil FAM, Subkhiddin Mohd Salleh berkata, badan induk itu berhadapan kekangan dana kerana kos menggunakan VAR begitu besar dan mampu menelan belanja sehingga AS\$8,000 (RM31,282) untuk satu perlawanan.

Bagaimanapun, Subkhiddin mengakui, betapa perbelanjaan untuk mengoperasikan sistem terbabit juga mampu mencecah lebih RM24 juta dan disifatkan sebagai pelaburan tidak berbaloi sekiranya hanya digunakan untuk menilai kembali beberapa insiden sahaja, sepanjang musim.

"Jika di peringkat FAM, kita perlu membuat lebih banyak kajian dan tidak boleh semberono kerana membabitkan kewangan besar. Jadi, kita tidak akan menggunakan VAR, dalam tempoh terdekat ini.

"Pandangan saya adalah lebih baik jika dana yang ada digunakan untuk meningkatkan kemahiran pengadil dan mutu pengadilan daripada melabur berpuluh juta hanya untuk menilai beberapa situasi sahaja.

"Namun, saya melihat tidak mustahil VAR akan digunakan dalam tiga ke empat tahun akan datang kerana teknologi sebegini akan jadi lebih murah, selepas ini. Ia masih baharu ketika ini jadi sebab itu kosnya melambung tinggi," katanya dipetik laporan Berita Harian Online.

Beliau berkata, pihaknya sudah bersedia menggerakkan jawatankuasanya jika mendapat bantuan dana daripada pihak luar untuk menggunakan teknologi terbabit dalam kancah bola sepak tempatan.

"Jika kita lihat di Korea Selatan, mereka dapat bantuan pihak luar untuk penggunaan teknologi itu bukan sekadar mengharapkan dana dalaman. Begitu juga dengan China apabila mereka menggunakan pengadil luar untuk menguruskan VAR.

"Jika ada pihak luar yang mahu menyuntik dana, saya kira tidak ada masalah untuk kita menggunakan VAR. Jika sekadar menggunakan belanjawan FAM, saya rasa itu agak membazir.

"Sebenarnya, VAR ini lebih kompleks dan dikhuatiri menimbulkan lebih banyak kontroversi. Kita sanggup berhadapan dengan kritikan jika timbul isu yang saya boleh anggap hanya akan berlaku sekali daripada 1,000," katanya.

Berdasarkan perancangan awal, badan induk bola sepak negara itu bercadang menggunakan VAR dalam kancah Liga M musim ini sebelum dilaksanakan sepenuhnya, tahun depan.



Tiga pasukan yang memenangi Kejohanan Bola Jaring Terbuka Wanita Piala Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor 2018

KLIA 2 Fighters johan Bola Jaring MDKS

SHAH ALAM - Kejohanan Bola Jaring Terbuka Wanita Piala Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 2018 berjaya menghimpunkan 32 pasukan, pada 24 Februari lalu.

Penganjuran di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Kuala Selangor itu turut menyaksikan pembabitan Penggerak Belia Tempatan (PeBT), pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah sekitar daerah berkenaan.

Setiasaha MDKS, Azman Dahlan berkata, kejohanan itu dianjurkan selepas melihat kejayaan penganjuran sama, pada 2015.

"Pertandingan itu medan mencungkil bakat baru supaya dapat diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Ia juga saluran menggilap bakat baru dalam kalangan belia untuk menjadi pelapis sukan bola jaring," katanya dalam kenyataan.

Pada masa sama, Azman berkata, MDKS turut membuka peluang kepada peserta bersaing bersama pasukan pemain kebangsaan.

"Ia secara tidak langsung meningkatkan tahap permainan mereka," katanya.

Dalam kejohanan itu, pasukan KLIA 2 Fighters dinobatkan sebagai juara, sekali gus membawa pulang wang tunai RM2,018 selain sijil dan pingat.

Kedah bertemu Pahang di Darul Makmur

SHAH ALAM - Kedah akan meneruskan perjuangan mempertahankan kejuaraan Shopee Piala FA 2018 apabila diundi bertemu finalis tahun lalu, Pahang di Stadium Darul Makmur, pada pusingan ketiga.

Pertembungan dua pasukan Unifi Liga Super itu pastinya menjanjikan persembahan menarik kerana Kedah berjaya menewaskan Pahang, 3-2 dalam perlawanan akhir, di Stadium Shah Alam, Mei tahun lalu.

Nasib berbeza buat tiga pasukan dari Lembah Klang apabila Kuala Lumpur akan bertemu Melaka United di

gelanggang lawan, manakala PKNS FC pula diundi melayan kunjungan Kelantan, di Stadium Shah Alam.

Selangor pula akan kembali ke Kuala Terengganu bagi menghadapi Terengganu FC di pusingan ketiga selepas kali terakhir bertemu, pada 10 Februari lalu dalam perlawanan yang menyaksikan anak buah P Maniam tewas, 4-1.

Pendahulu Unifi Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT) pula akan bertemu UiTM FC di Shah Alam, sementara Felda United FC menanti kunjung-

gan UKM FC di Stadium Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang.

Pulau Pinang akan bertemu juara edisi pertama Shopee Piala FA, Perak sementara PKNP FC menanti kunjungan Kuantan FA di Stadium Batu Kawan.

Majlis undian yang berlangsung di The Bee, Publika disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Kerjasama Liabiliti Bola Sepak Malaysia Berhad (FMLLP), Kevin Ramalingam manakala Shopee pula diwakili Pengarah Urusan Serantau, Ian Ho dan dua Ahli Lembaga Pengarah FMLLP.

Perlawanan pusingan ketiga Shopee Piala FA 2018 akan dilangsungkan, pada 16, 17 dan 18 Mac ini.



SUKANE



Shopee Piala FA 2018

PKNS FC jinakkan Hanelang FC



OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - PKNS FC meneruskan kemaraan Shopee Piala FA 2018 apabila mudah menewaskan Hanelang FC 4-1 pada aksi di Stadium Shah Alam, pada 2 Mac lalu.

Turun tanpa kelibat ketua pasukan, Safee Sali yang baru pulih dari kecederaan, The Red Ants tidak menunggu lama dihadapan menerusi jaringan Jafri Chew, pada minit kelapan.

Kelebihan itu hanya bertahan selama tiga minit apabila Muhammad Munawar menyamakan kedudukan 1-1 menerusi gol, pada minit ke-11.

Romel Oswaldo menjadikan kedudukan 2-1 pada minit ke-37 bagi memberikan kelebihan kepada pasukan tuan rumah menuju rehat babak pertama.

Bersambung babak kedua, Rafael Ramazotti melebarkan pendahuluan PKNS FC kepada 3-1 ketika perlawanan masuk ke minit 55.

Nurridzuan Hassan melengkapkan kemenangan selesa skuad kendalian Datuk K Rajagobal pada minit ke-68 dengan gol keempat.



Gambar ehсан PKNS FC FB



Stadium Shah Alam bukan milik swasta

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menafikan dakwaan pihak tertentu kononnya Kompleks Stadium Shah Alam diserahkan kepada syarikat swasta, Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, beliau menangkis kenyataan yang tular di aplikasi whatsapp itu yang disifatkan tidak bertanggungjawab teru-

tama apabila mengaitkan isu terbabit dengan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

"Kenyataan terbabit tidak dikeluarkan MBSA dan kami kesal kerana perkara ini diputarbelitkan pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Sehubungan itu, kami menafikan kenyataan yang tidak berasas itu kerana tak berlaku sebarang penyerahan Stadium

Shah Alam kepada Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd," katanya dipetik Sinar Harian.

Shahrin menasihatkan orang ramai tidak terus menularkan kenyataan palsu berkenaan.

Terdahulu, tular di aplikasi whatsapp menyatakan Kerajaan Negeri bertetuju menyerahkan Stadium Shah Alam kepada Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd.

INISIATIF KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN IKTISAS SMART SELANGOR (IKTISASS)

PELUANG BELAJAR SAMBIL BEKERJA

WAWAKA KEPADA

- Warganegara Malaysia (Keutamaan diberikan kepada anak Selangor)
- Berkecukupan SPM
- Umur tidak melebihi 30 tahun

PROGRAM PERSIJILAN DITAWARKAN

- Kursus Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Box Hill Institute, Australia)
- Kursus Pemasangan dan Penyelenggaraan Sistem Solar Fotovolt Tersambung Grid SEDA Malaysia

TEMPOH PENGAJIAN

- 6 bulan

YURAN

- Yuran kursus ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor

ELAUN

- Peserta akan menerima elaun RM300 sebulan (dibayai Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan ditaja oleh industri

FAEDAH MENYERTAI PROGRAM

- Pelajar yang berjaya menamatkan latihan/kursus BERPELUANG UNTUK MENDAPAT PEKERJAAN DI INDUSTRI TERSEBUT

Program alibayat sempulangnya

YB Tuan Nik Nazri bin Nik Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

Berminat sila hubungi :
Selangor Human Resource Development Centre (K14013)
No. 1, Arca Bawah, Blok 2, Pusat Perniagaan Worldwide,
Jalan Tinju 13/60, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
KOD POSAT BERTAJUALAH K14013

Tel: 603 - 6513 3560, Fax: 603 - 6513 3490, Web: www.shrhc.org.my
Emelkan Resume: recruitment@shrhc.org.my

recruitment@shrhc.org.my | www.shrhc.com.my | Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) | shrhc.org.my | link: http://bit.ly/2uBEMfm

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd., Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, 40200 Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5519 6373 Faks : 03-5512 7985